



JPS tumpu empat daerah

Belanjawan atasi banjir RM80 juta

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Empat daerah kritis di Selangor menjadi tumpuan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor dalam Rancangan Tebatan Banjir tahun ini.

Pengaruhnya, Hashim Osman berkata, daerah itu adalah Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Selangor seperti diputuskan Kerajaan Negeri.

Katanya, JPS akan terus komited mengatasi banjir di negeri itu susulan peningkatan peruntukan pembangunan sebanyak RM80 juta dalam Belanjawan 2016.

"Sebanyak 33 projek diluluskan tahun ini termasuk peruntukan caruman parit sejumlah RM70 juta yang kini sedang dalam pelaksanaan.

"Selain itu, JPS juga menyelenggara 314 kolam takungan dengan 80 kolam men-

jadi tumpuan tahun ini bagi memastikan tiada lagi isu banjir kilat," katanya kepada Selangor Kini pada 19 Januari lalu.

Dalam pembentangan Belanjawan 2016, Kerajaan Negeri bercadang menambah peruntukan pembangunan JPS kepada RM80 juta sekaligus mencatat peningkatan 70.21 peratus.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mencecadangkan pertambahan peruntukan

mengurus bagi kerja penyelenggaraan kolam takungan RM12 juta.

Ia sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus penyelenggaraan kolam takungan kepada RM24 juta.

Antara projek menangani masalah banjir adalah di Johan Setia, Telok Gadong, Pandamaran dan Kapar selain penambahaikan sistem saliran di Kampung Melayu Sungai Buloh dan Kampung Tasik Permai, Hulu Langat.



Mohamed Azmin bertanya khabar penduduk kawasan jeti nelayan Tanjung Sepat 2 ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Jeti Baru bagi mengakhiri masalah jeti yang berlarutan di kawasan itu lebih 20 tahun.

BERITA LANJUT
DI MUKA 10

Dunia perlu bangkit bersatu perangi pengganas!

SERANGAN pengganas terhadap Istanbul, Jakarta dan beberapa buah negara lain mutakhir ini menggambarkan ancaman serius kepada keamanan dan ketenteraman sejagat.

Masyarakat dunia tanpa mengira ideologi dan agama perlu bersatu padu mewujudkan dunia lebih aman dan adil. Keganasan bukan jalan penyelesaian kepada sesuatu masalah.

Islam menolak tindakan keganasan dan tiada kompromi dalam hal itu. Malahan me-

nyakan Islam dengan keganasan adalah tindakan tidak bertanggungjawab kerana Islam menganjurkan keamanan dan menebakkan keadilan untuk umat sejagat.

Masyarakat juga boleh bersama-sama memerangi keganasan dengan menolak fahaman itu serta bekerjasama dengan pihak berkuasa menyulurkan maklumat penting agar peperangan memerangi keganasan adalah agenda semua pihak.

Sementara itu Kerajaan Selangor berbin-cang bersama Polis dari semasa ke semasa

untuk mencari langkah terbaik membendung jenayah termasuk perkembangan militan IS yang dilihat cuba menggugat keamanan dan kedaulatan negara.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kepelbagai rakyat yang ada di negeri itu bukan alasan untuk bertindak ekstrem yang boleh menggugat keamanan dan keharmonian.

Manakala Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim menzhirkan rasa simpati ke atas mangsa keganasan penge-

boman ekoran tindakan keganasan yang berlaku baru-baru ini.

Katanya kerjasama semua pihak perlu untuk berhadapan ancaman dicetuskan pengganas yang mempunyai rangkaian antarabangsa dan di Asia Tenggara.

Ekoran tindakan pengganas itu kawan dan pemantauan keselamatan di seluruh negara dipertingkatkan bagi memastikan keselamatan rakyat terjamin.

Ikuti berita lanjut di MUKA 2 & 3

Serangan penganas terhadap Jakarta dan Istanbul

Anwar: Jakarta ajar dunia cara berdepan keganasan

SHAH ALAM - Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahirkan rasa simpati terhadap mangsa pengeboman ekoran tindakan keganasan yang berlaku di Jakarta dan Istanbul baru-baru ini.

Anwar berkata kerjasama semua pihak dituntut untuk berhadapan ancaman semasa dicetuskan kumpulan penganas yang mempunyai rangkaian antarabangsa dan Asia Tenggara.

Katanya, Indonesia dan Malaysia berkongsi jalur sejarah yang sama, melewati zaman sebelum persemadian wilayah serta pengamalan Islam secara aman

dalam masyarakat plural.

"Saya menyantung tinggi tindakan berani kepimpinan dan pasukan keselamatan serta menzahirkan kegaguan terhadap warga Jakarta yang mengajar dunia cara berdepan keganasan," kata Anwar dalam kenyataan media pada 15 Januari lalu.

Katanya, serangan ke atas ibu negara umat Islam terbesar di dunia ini adalah serangan terhadap Asia Tenggara.

"Mereka bersuara di media sosial dengan menyatakan keberanian, tidak takut serta menanggapi keganasan dengan penuh cemuhan."

"Kita berdepan ancaman

yang sama apabila anak muda kita diindoktrinasi ideologi kebencian bertentangan dengan kecintaan kita kepada keamanan serta aspirasi demokrasi," katanya.

Anwar berkata beliau yakin Indonesia bakal pulih dan bangkit dengan lebih kuat, lebih bersatu dan tekad untuk menjadi pelantar demokrasi dan keamanan yang mencerminkan legasi kerohanian yang dikongsi bersama.

"Marilah kita mendoakan mangsa yang terkorban akibat keganasan di Jakarta dan di seluruh dunia. Kita harus membuang ketakutan dan kebencian," kata Anwar.



Rujuk pandangan ilmuwan antarabangsa

SHAH ALAM - Semua pihak terutama pihak berkuasa di negara ini disarankan merujuk semula pandangan ilmuwan Islam dalam menangani gejala keganasan.

Pengerusi Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama (BiPPA) Keadilan, Senator Dr Muhammad Nur Manut, berkata sebagai contoh karya Shaikh Yusuf al-Qaradawi (tokoh Maal Hijrah negara) seperti Fiqh al-Jihad (2 Jilid) dan al-Wasatiyyah (kesederhanaan), relevan dijadikan rujukan utama.

Katanya, permasalahan kega-

nasani perlu ditangani secara komprehensif, menyeluruh dan bersepudau.

"Ia tidak mungkin diselesaikan melalui pendekatan jangka pendek, 'adhoc' dan bersifat reaktif sahaja. Kita wajib mencari prinsip dan kaedah imperatif membanterasnya," katanya dalam kenyataan media pada 17 Januari lalu.

Beliau berkata gejala keganasan memberi ancaman besar kepada agama dan negara.

Katanya, mereka yang terli-

bat dalam keganasan ini pada kebiasaannya taksub dengan ideologi dan terkesan akibat penindasan, ketidakadilan dan kezaliman yang berlaku di beberapa negara terutama di Timur Tengah.

"Kerana itu, perang ke atas keganasan fikiran dan fizikal ini tidak memadai dengan menggunakan senjata semata-mata.

"Ia memerlukan kajian mendalam, perancangan teliti, hikmah, istiqamah dan kesabaran," katanya.

Pembangkang kecam jenayah kemanusiaan

SHAH ALAM - Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengecam siri letupan bom di Jakarta, Indonesia yang berlaku pada 14 Januari lalu.

"Kejadian ini cukup menghargukan, dan saya bersama Ahli Parlimen Pembangkang mengecam sekeras-kerasnya tindakan keganasan ini yang juga adalah satu jenayah kemanusiaan."

"Kami berharap supaya pihak berkuasa Indonesia dapat menangkap penjenayah dan pembunuh terlibat agar mereka segera dihadapkan ke muka pengadilan," katanya dalam kenyataan pada 14 Januari lalu.

Wan Azizah yang juga Presiden Keadilan turut merakamkan takziah buat semua keluarga mangsa serangan terbabit.

"Saya berdoa supaya Presiden Joko Widodo dan rakyat Indonesia diberi kesabaran dan kekuatan oleh Allah SWT untuk menghadapi dugaan di saat yang cukup getir ini," kata Ahli Parlimen Permatang Pauh itu.

Sebelum ini, tidak jelas siapa yang menjadi dalang disebalik serangan di Jakarta itu yang mirip serangan di Paris.

Beberapa media melaporkan letupan itu disebabkan bom grenade dan bukan dilakukan pengebom berani mati.

KPN: Henti cetus spekulasi

SHAH ALAM - Orang ramai diminta berhenti mencetuskan spekulasi berkaitan keadaan keselamatan negara.

Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Khalid Abu Bakar di akaun Twitter miliknya, menulis: "Semua pihak diminta hentikan buat spekulasi tentang keadaan keselamatan negara kita yang merunsingkan rakyat. Polis sentiasa bersedia."

Sementara itu, polis menafikan mengeluarkan sebarang kenyataan menyebut secara khusus beberapa tempat di sekitar ibu negara bakal menjadi sasaran kumpulan pengganas.

Ketua Komunikasi Korporat Polis, Datuk Asmawati Ahmad, berkata ke-

Tiada kaitan Islam dengan keganasan

SHAH ALAM - Tidak wajar sekali insiden keganasan dikaitkan dengan Islam khususnya dalam pelaporan berita sekalipun mungkin ia ada kaitan dengan kumpulan tertentu yang mempergunakan nama 'Islam'.

Ketua Penerangan Dewan Ulamak PAS, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata Islam tidak menganjurkan sebarang keganasan apatah lagi menaja perbuatan terukut yang ditolak nilai kemanusiaan sejagat.

"Diharap Kementerian Dalam Negeri dan Polis serta Angkatan Tentera Malaysia dan semua agensi keselamatan lain berganding bahu memastikan semua aspek menjamin keselamatan negara ini berada pada tahap terbaik," kata Khairuddin dalam kenyataan media pada 16 Januari lalu.



Islam tidak menganjurkan sebarang keganasan apatah lagi menaja perbuatan terukut yang ditolak nilai kemanusiaan sejagat

KHAIRUDDIN
Ketua Penerangan
Dewan Ulamak PAS

Katanya, kerjasama keselamatan dengan negara ASEAN mesti ditingkatkan khususnya pada aspek risikan bagi membolehkan sebarang maklumat berkenaan ancaman dan aktiviti keganasan diokongsi pantas dan bersepudau.

Beliau berkata PAS mengu-

capkan takziah kepada rakyat Indonesia khususnya kepada ahli keluarga semua mangsa yang maut dan tercedera dalam insiden pengeboman di Jakarta.

"Semoga Allah membalsam terhadap pelaku keganasan ini dengan hukuman setimpal," katanya.

nyataan media daripada KPN hanya menjelaskan polis mempertingkatkan pengawasan dan kawan keselamatan di tempat tumpuan orang ramai.

"Tindakan diambil polis di seluruh negara adalah selaras dengan arahan KPN."

"Peningkatan jumlah keanggotaan pegawai Polis juga adalah bertujuan memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa polis sentiasa dalam kesiapsiagaan," katanya dalam satu kenyataan.

Asmawati menasihati orang ramai tidak mudah mempercayai maklumat diterima terutama yang bukan dikeluarkan agensi keselamatan negara.

Kerajaan Selangor berbincang bersama polis

MB: Perkukuh kerjasama demi keamanan

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor berbincang bersama Polis dari semasa ke semasa untuk mencari langkah terbaik membendung jenayah termasuk perkembangan militan IS yang dilihat cuba menggugat negara.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kepada pelbagai rakyat yang ada di negeri itu bukan alasan untuk bertindak ekstrem demi kepentingan pihak tertentu.

Katanya masyarakat perlu menerapkan konsep keharmonian yang boleh dipupuk melalui kesederhanaan dan keadilan.

"Kita sentiasa ada rundingan dan berbincang dengan polis. Tapi lebih pada konteks hendak tangani jenayah.

"Kerajaan Negeri pastinya bersedia untuk bekerjasama dengan Polis supaya peranan kita dapat dimanfaatkan dalam konteks menjaga keamanan dan kemakmuran negeri," kata

Mohamed Azmin.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Kakitangan Awam Negeri Selangor pada 18 Januari lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri menerusi Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) boleh memperkuuh pendidikan mengenai perpaduan melalui pengurusan seminar berkaitan konsep kesederhanaan dan keadilan.



Polis: Kawalan keselamatan dipertingkat

SHAH ALAM - Ketua Polis Daerah seluruh Selangor diarah mempertingkatkan kawalan dan pemeriksaan keselamatan masing-masing.

Ketua Polis Selangor, Datuk Abdul Samah Mat, berkata ia susulan amaran keselamatan negara ke tahap tertinggi yang diumumkan Ketua Polis Negara ekoran insiden penggeboman di Jakarta.

Katanya, peningkatan kawalan dan pemeriksaan keselamatan ditumpukan di tempat atau lokasi tumpuan orang ramai seperti pusat perniagaan dan membeli-belah.

Ia termasuk pusat hiburan, lokasi pelancongan, sasaran pen-

ting, pintu keluar masuk meliputi KLIA, KLIA 2 dan Lapangan Terbang Subang Sky Park, jeti dan pelabuhan serta lain-lain lokasi yang polis fikirkan perlu.

"Polis Selangor mengambil perhatian serius untuk menentukan keselamatan awam terjamin.

"Semua peringkat pegawai dan anggota polis Selangor dilettakan dalam keadaan siap siaga, bersedia untuk menangani sebarang ancaman dari mana-mana kumpulan pengganas," kata Abdul Samah dalam kenyataan media pada 16 Januari lalu.

Beliau berkata orang ramai diminta memberikan kerjasama kepada polis dengan menyururkan

maklumat jika terkesan kegiatan mencuri-gakan secara perseorangan dan berkumpulan yang menjurus kepada kegiatan pengganas kepada Ketua Polis Daerah atau balai polis berhampiran.

"Disarankan orang ramai tidak perlu panik atau cemas kerana situasi keselamatan di Selangor adalah terjamin.

"Polis juga mengingatkan semua pihak supaya tidak menyebarkan berita palsu atau tidak sah mengenai situasi keselamatan sama ada menerusi media sosial atau lain-lain saluran untuk mengelak daripada berhadapan tindakan tegas mengikut undang-undang," katanya.

Kutuk tindakan pengeboman

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mengutuk pengeboman dan penembakan pengganas di Jakarta yang mengorbankan jiwa dan mencederakan mangsa lain.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata tindakan terbaru ISIS itu adalah tindakan kempen keganasan yang mengancam dunia walaupun di negara demokrasi Islam terbesar.

Katanya, individu berakal tanpa mengira warganegara dan kepercayaan perlu mengutuk tindakan keganasan tidak bersasau itu.

"Kita simpati dan berdoa untuk keluarga mangsa dan kita bersolidariti bersama-sama rakyat Indonesia dan Kerajaan

Indonesia di bawah kepimpinan Presiden Joko Widodo dalam usaha memerangi keganasan mengancam dunia," kata Mohamed Azmin dalam kenyataan media pada 15 Januari lalu.

Katanya, tindakan keganasan itu mengingatkan sekali lagi kepada permasalahan bersama dunia dan kesannya bagi memastikan masyarakat memilih penyelesaian aman daripada keganasan.

"Kita menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk berdiri bersatu bagi keamanan dan menentang segala bentuk rasis perkawanan dan cubaan untuk memecah belah agama.

"Serta bersama-sama memegang prinsip kesederhanaan dan keadilan," kata Mohamed Azmin.

Risikan perlu dipertingkat elak ancaman

SHAH ALAM - Agensi pengukuhan dan keselamatan bukan sahaja perlu memperketatkan kawalan di pintu masuk sempadan Malaysia, malah meningkatkan usaha perisikan bagi mengesan rakyat tempatan yang terlibat dalam kegiatan kumpulan militan.

Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata adalah penting untuk menyekat dan membanteras terus elemen pengganas daripada menyusup masuk ke dalam negara ini.

"Kalau mereka masuk dari pintu masuk sempadan atau lapangan terbang, ia lebih mudah dikesan tetapi saya fikir ini bukan macam pengganas Sulu yang masuk ke negara kita tetapi ia lebih kepada menyebarluaskan masuk ke dalam negara ini.

"Mereka yang terlibat seharusnya ditahan di bawah akta tertentu bagi mencegah daripada melakukan sesuatu yang tidak terjangka," katanya.

berada di dalam negara.

"Kalau orang luar hendak lakukan (serangan), ia agak sukar kerana mereka tidak biasa dengan kawasan itu. Pastinya kita juga tidak boleh ambil ringan di pintu masuk," katanya dipetik BERNAMA.

Mohamed Mustafa berkata orang ramai juga perlu memainkan peranan dengan melaporkan kepada pihak berkuasa sekitarnya mengenali mana-mana individu mencurigakan, taksub serta terlibat dalam perjuangan militer.

"Mereka yang terlibat seharusnya ditahan di bawah akta tertentu bagi mencegah daripada melakukan sesuatu yang tidak terjangka," katanya.

Mohamed Mustafa berkata pihak berkuasa juga perlu meningkatkan kehadiran termasuk melakukan sekatan jalan raya atau pemeriksaan tertentu di lokasi strategik terutamanya lokasi pelancongan.

Tidak jejas sektor pelancongan

SHAH ALAM - Serangan militan IS di Jakarta tempoh hari dijangka tidak memberikan kesan terhadap kehadiran pelancong ke Malaysia khususnya Selangor.

Bagaimanapun, Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, mengingatkan pemimpin politik supaya tidak mengeluarkan kenyataan tidak bertanggungjawab serta mampu menggugat sektor pelancongan.

"Kita yakin pihak berkuasa bertanggungjawab boleh menangani isu ini dan diharap ahli politik tidak mengambil kesempatan menjadi hero menerusi kenyataan tidak be-

rasas serta menimbulkan rasa panik dalam kalangan orang awam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Malaysia Women Marathon (MWM) 2016 pada 19 Januari lalu.

Katanya, Selangor mensasarkan kehadiran pelancong se-ramai 7.2 juta bagi tahun 2016 susulan kejayaan mencapai sasaran 7 juta pelancong bagi tahun 2015.

"Kerajaan Negeri enggan meletakkan sasaran yang tinggi ke-rana keadaan ekonomi semasa juga memainkan peranan terhadap kehadiran pelancong," katanya.



Peningkatan hasil menjadi RM2.53 bilion

MB puji komitmen penjawat awam

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali memuji penjawat awam khususnya wanita yang berjaya meningkatkan hasil memberangsangkan di semua peringkat.

Katanya, beliau turut berpuas hati dengan catatan kadar penjimatan perbelanjaan Kerajaan Negeri berjumlah RM127 juta meskipun tidak dilaporkan media arus perdana.

Katanya, Selangor mencatat lebihan kewangan berjumlah

RM577 juta selepas penutupan akaun sekaligus menjadikan hasil berjumlah RM2.53 bilion.

"Saya dimaklumkan akaun ditutup pada 31 Disember 2015. Hasil diunjurkan pada 2015 adalah RM1.97 bilion tetapi setelah ditutup hasil sebenar adalah RM2.53 bilion.

"Ia mencatatkan lebihan RM577 juta," katanya dalam ucapan Perhimpunan Bulanan Kaitangan Awam Selangor di Dewan Jubli Perak, di sini, pada 18 Januari lalu.

Mohamed Azmin mengumum-

kan perkara itu selepas menerima laporan kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015 daripada Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman.

Beliau berkata, agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya melakukan proses pemberian tender secara terbuka.

Katanya, ia bagi menjamin ketelusan selain memastikan tahap siap kerja dibuat mengikut jadual ditetapkan.

Perlombongan bauksit diharamkan

TANJUNG SEPAT - Kerajaan Selangor memberi jaminan tidak akan membenarkan perlombongan bauksit dijalankan di negeri itu.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kegiatan seperti itu tidak sesekali diluluskan dan Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi.

"Kita tidak mahu apa yang berlaku di sebuah negeri atas nama pembangunan habis laut dan sungai menjadi merah. Pencemaran alam berleluasa.

"Segelintir orang mendapat untung puluhan dan ratus juta ringgit tetapi rakyat di bawah menderita. Ini tidak akan berlaku di Selangor," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Neg-

eri mengumumkan tidak memberi kebenaran berkenaan perlombongan itu yang akan mencemarkan negeri dan menyusahkan rakyat.

"Hasil perolehan besar yang dicapai mestи diserahkan semula kepada rakyat menerusi projek pembangunan yang mendatangkan manfaat kepada semua seperti pembinaan jeti ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Perasmian Pembinaan Semula Jeti Nelayan Tanjung Sepat di sini, pada 17 Januari lalu.

Projek bauksit di Kuantan, Pahang menjadi hangat ekoran bantahan penduduk di negeri itu terhadap pencemaran berlaku di sekitar kawasan pembangunan yang boleh menyen-

Segelintir orang mendapat untung puluhan dan ratus juta ringgit tetapi rakyat di bawah menderita. Ini tidak akan berlaku di Selangor

MOHAMED AZMIN
Menteri Besar

babkan risiko kesihatan dan kemalangan jalan raya.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan mengumumkan penangguhan tiga bulan projek berkaitan.

Kekalkan profesionalisme tingkat prestasi

SHAH ALAM - Penjawat awam disaraskan berpegang kepada Piagam Perkhidmatan Awam dan bersikap profesional tanpa setia kepada orang politik maupun parti.

Menyertai, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata barisan kepimpinan negeri bersilih ganti selepas tamat penggal pentadbiran namun penjawat awam kekal terus berkhidmat.

Katanya beliau tidak mahu ada kakitangan awam menjadi 'kambing hitam' kerana kegalan sistem.

"Bila laut menjadi merah,

sungai menjadi merah, surat sokongan bertaburan di pejabat kerajaan, yang ditangkap bukan orang politik tetapi kakitangan awam.

"Saya ingin memberi jaminan di Selangor, kita pertahankan anggota perkhidmatan awam daripada dikambing hitamkan," katanya pada 18 Januari lalu.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata beliau tidak akan membenarkan sebarang bentuk perlombongan bauksit yang memberikan kesan kepada kehidupan rakyat dan ekosistem.

Kekayaan negeri diagih adil



PENINGKATAN KUTIPAN HASIL 2015

- Bahan Bantuan Pasir RM41.8 juta
- Premium Tanah RM152.6 juta
- Bank RM20.3 juta
- Denda Lewat RM19.7 juta
- Bayaran Inuiti RM6.3 juta
- Cukai Tanah RM 23.5 juta
- Cukai Parti RM12.9 juta
- Cukai Hasil Hutan RM22.7 juta
- Cukai Hiburan RM2.26 juta

jasama dengan Kerajaan Negeri dalam pelbagai bentuk.

"Terima kasih pemaju yang bukan sahaja menyambut baik dasar Kerajaan Negeri tetapi mereka juga mengutamakan untuk pembangunan berkualiti untuk dinamika rakyat.

"Terima kasih membantu dalam lakukan reformasi. Kita terus bekerjasama memberi dukungan menjayakan program dirancang," katanya.

Tiada lesen pembalakan dikeluarkan

SHAH ALAM - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sekali lagi menegaskan Kerajaan Selangor tidak pernah mengeluarkan lesen pembalakan membabitkan negeri itu.

Beliau berkata, Selangor terikat dengan dasar perhutanan negeri yang mewajibkan 30 peratus hutan simpan mestи dikekekalkan.

"Saya sudah beri penjelasan tiada aktiviti pembalakan di Selangor, malah tiada lesen dikeluarkan.

"Media tidak lapor pun (fakta itu), kalau hendak ambil sikap bukan nak lapor yang betul tetapi hendak sensasi, itu bukan

permainan saya.

"Permainan saya adalah menjaga amanah dengan telus dan tanggungjawab, jangan main sensasi nanti rakyat marah," katanya di SUK pada 14 Januari lalu.

Kenyataan Mohamed Azmin itu susulan dakwaan aktivis, Badru Hisham Shaharin (Chegu Bard) kononnya Kerajaan Selangor berbohong berkenaan tender pembalakan membabitkan dua bidang tanah.

Beliau mendakwa ia membabitkan projek jajaran talian elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Chubadak dan Mahkota Cheras di Kuala Lumpur.

Kerjasama antara parti

Selangor model terbaik perpaduan politik negara



OLEH NAZLI IBRAHIM

SEPANG - Keutuhan perpaduan dan kerjasama antara KEADILAN, PAS dan DAP mentadbir Kerajaan Selangor harus dicontohi Kerajaan Negeri lain, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Mohamed Azmin berkata, jalanan tiga parti utama itu menjadi salah satu faktor utama kemampuan Kerajaan Negeri menyalurkan pelbagai manfaat kepada golongan sasaran secara berkesan.

"Kita menghormati pandangan

an semua pihak dan Selangor harus memimpin membuktikan kita boleh mengukuhkan perpaduan parti politik yang mempunyai keyakinan melakukan agenda reformasi.

"Saya bersyukur, sebagai contoh baru-baru ini pengagihan Ahli Majlis tidak dilihat sebagai ganjaran politik tetapi satu tanggungjawab penyertaan demokrasi yang melibatkan semua parti."

"Inilah satu-satunya negeri di Malaysia ini yang membuktikan kita mampu bekerjasama

dengan semua pihak yang berpegang prinsip amanah," kata Mohamed Azmin.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah di Masjid Al-Mustaqim, Kampong Dato' Abu Bakar Baginda di sini, pada 17 Januari lalu.

Katanya, selain menumpukan isu pembangunan, Kerajaan Negeri turut komited menyelesaikan isu rakyat termasuk melibatkan pemilikan tanah sehingga ada yang terpaksa menunggu lebih 40 tahun.

Unit pemantauan semak kemajuan Belanjawan 2016

SHAH ALAM - Selangor membuktikan setiap cadangan dalam Belanjawan 2016 bukanlah retorik, tetapi boleh diterjemahkan secara realiti bagi membantu rakyat di negeri itu.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata iltizam itu dapat dilihat melalui penubuhan unit penyampaian bagi kelancaran rancangan belanjawan dan sampai kepada kumpulan sasaran.

Katanya, unit itu juga akan

menyemak kemajuan pelaksanaan semua program, projek pembangunan, insentif dan lain-lain yang dicadangkan pada setiap tiga bulan.

"Kita menyedari keperluan ini dan membentuk satu unit penyampaian supaya dasar yang diputuskan, program yang dilaksanakan benar-benar dapat ke kumpulan dasar sehingga ke desa."

"Saya percaya tradisi dan prinsip ini akan kita pertahankan bagi memberi manfaat kepada rakyat keseluruhan."

terus maju dan rakyat dapat pembelaan yang adil daripada Kerajaan Negeri," katanya kepada setiap tiga bulan.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Menghafaz Al-Quran peringkat Selangor di Dewan Jubli Perak, di sini, pada 12 Januari lalu.

Katanya, kewujudkan unit itu akan memberi kesan kepada peningkatan kecekapan jentera Kerajaan Negeri sekali-gus memberi manfaat kepada rakyat keseluruhan.

Rombakan falsafah pendidikan lahir modal insan berkualiti

SHAH ALAM - Pengurusan Universiti Selangor (UNISEL) bakal dipanggil dalam masa terdekat bagi membincangkan rombakan falsafah pendidikan negeri itu bagi melahirkan modal insan berkualiti.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, graduan berakhhlak tinggi disamping mempunyai ilmu dan kemahiran diharapkan mampu mendepani cabaran masa kini.

"Pendidikan jangan dilihat dalam konteks membuat keuntungan tetapi pendidikan mes-

ti berpegang kepada falsafah proses pencerdasan rakyat dan ummah," kata Mohamed Azmin.

Beliau berkata demikian semasa Perhimpunan Bulanan Kaitangan Awam Selangor di Dewan Jubli Perak, di sini, pada 18 Januari lalu.

Mohamed Azmin berkata beliau percaya UNISEL dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dapat melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai ilmu dan kemahiran tetapi mempunyai nilai akhlak mulia.

Kematangan pemilihan Ahli Majlis PBT dipuji

SHAH ALAM - Sikap matang ditonjolkan KEADILAN, DAP, PAS dan Parti Amanah Negara (AMANAH) berkenaan pengagihan kerusi Ahli Majlis di Selangor dipuji Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Menteri Besar itu berkata, semua parti menyediarkan jawatan itu bukan sebagai 'anugerah politik,' sebaliknya tanggungjawab yang perlu dipikul untuk menyelesaikan isu di kawasan masing-masing.

"Keputusan sudah muktamad, pihak berkuasa tempatan (PBT) akan umumkan dan mereka angkat sumpah kelak."

"Semua parti termasuk AMANAH sudah melalui proses perbincangan dan bersetuju dengan pengagihan itu, saya berterima kasih atas sikap matang ditonjolkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) di SUK.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, peruntukan kerusi itu sudah ditentukan dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pertama berdasarkan permuafakatan bersama.

Katanya, tidak timbul isu ancaman dalam menentukan kedudukan itu dan menyifatkannya sebagai sensasi media yang sengaja digembarkeran.

"Di Selangor saya gembira kerana semua parti tunjukkan kematangan berkhidmat untuk rakyat dan tidak bermain politik."

"KEADILAN, DAP, PAS dan AMANAH dapat menunjukkan muafakat baik di Selangor dan harus menjadi contoh untuk ditegadahi," katanya.



SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

KETUA PENGARANG: Cecilia Alphonse

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hafizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Matfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Kegagalan, kelemahan dan penyalahgunaan pentadbiran

Skandal Najib punca utama krisis ekonomi Malaysia

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak patut dipersalahkan sepenuhnya atas krisis ekonomi yang berlaku ketika ini.

Selain itu, sebaliknya ia berpunca daripada kegagalan, kelemahan dan penyalahgunaan pentadbiran beliau sendiri.

"Najib mengakui negara sedang menghadapi cabaran ekonomi, namun beliau menyatakan krisis ekonomi semasa

berlaku di luar kawalan kabinetnya.

"Beliau menyalahkan harga minyak turun dan rizab Persekutuan Amerika Syarikat yang kukuh berbanding mata wang seluruh dunia serta kelembapan ekonomi China yang memberi kesan negatif kepada Malaysia," katanya dalam kenyataan pada 12 Januari lalu.

Pua berkata, harga minyak mentah adalah kurang daripada USD25 sebelum 2007, namun ia tidak pernah menghalang prestasi ekonomi Malaysia pada tahun sebelum itu.

Beliau berkata, soalan perlu

ditanya kepada Najib sebagai Menteri Kewangan dari September 2008 adalah apa yang berlaku kepada pendapatan berlebihan semasa pemerintahannya apabila harga minyak melebihi USD100 setong.

"Keuntungan durian runtuh itu dinikmati pada tahun sepatutnya dan disimpan atau dilaburkan, namun semua keuntungan durian runtuh sejak tujuh tahun lalu dibazirkan melalui rasuah, penyelewengan, salah urus dan pembaziran."

"Ini seterusnya membawa kepada keadaan terdesak Kerajaan Persekutuan melaksanakan Cu-

kai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang kemudian memburukkan masalah ekonomi," katanya.

Katanya, krisis ekonomi bertambah teruk dengan hutang RM50 bilion oleh Kementerian Kewangan yang memiliki syarikat pelaburan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan skandal RM2.6 bilion di dalam akaun bank peribadi Perdana Menteri.

"Keadaan ekonomi teruk sebahagian besarnya diburukkan lagi kegagalan, kelemahan, kesilapan dan salah guna pentadbiran Najib," katanya.



Tony Pua

Isu 1MDB: PM patut mohon maaf

SHAH ALAM - KEADILAN mempertikai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) apabila masih belum memberikan penjelasan ke mana pergi dana berbaki dari terbitan sukuk RM2.4 bilion.

Naib Presiden KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata dana itu kononnya dipinjam untuk membayai kerja pemindahan dan naik taraf pengkalan udara.

Katanya, 1MDB juga tidak menafikan kenyataan beliau bahawa berdasarkan angka dikeluarkan 1MDB, hanya RM800 juta daripada keseluruhan kos projek RM2.7 bilion dibayar 1MDB.

"Sebab itu baki tangguhan RM1.9 bilion untuk menyiapkan kerja itu kini mengundang kontroversi apabila ia melibatkan syarikat berkaitan Kerajaan China yang boleh mendekahkan negara kepada risiko keselamatan dan pertahanan."

"Diyakini ada sesuatu disembunyikan 1MDB kerana angka yang diketahui umum tidak masuk akal," kata Rafizi dalam kenyataan medianya.

Katanya, 1MDB sebenarnya di berikan geran kerajaan berjumlah RM1.0865 bilion bagi tujuan



"pembinaan bangunan gantian dan perolehan peralatan susulan pembangunan semula Sungai Besi".

Ini bermakna 1MDB menggunakan dana awam dalam bentuk geran Kerajaan Persekutuan untuk membayai kos kerja pemindahan dan naik taraf pengkalan tentera udara yang sebenarnya tanggungjawab 1MDB.

Kata Rafizi, jumlah dana diperolehi 1MDB dalam bentuk terbitan sukuk adalah RM2.4 bilion dan geran Kerajaan Persekutuan RM1.0865 bilion.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan dana diambil bagi tujuan ini mencencah RM3.4865

bilion adalah jauh melebihi kos keseluruhan projek diumumkan iaitu RM2.7 bilion.

"Malangnya, 1MDB sendiri mengakui hanya RM800 juta dibayar setakat ini dan RM1.9 bilion masih berbaki," katanya.

Beliau berkata skandal pembayaan kerja pemindahan dan naik taraf pengkalan udara yang melibatkan 1MDB kini menjadi lebih rumit dan Datuk Seri Najib Razak sendiri perlu menjelaskan perkara sewajarnya.

Sehubungan itu, Rafizi berkata Najib wajar meminta maaf kepada rakyat kerana mengumumkan masalah 1MDB diselesaikan tanpa melibatkan dana rakyat.

Ubah suai jangan tambah beban rakyat

SHAH ALAM - Pengubahan semula Bajet 2016 Persekutuan perlu mengambil kira kepentingan rakyat supaya tidak menambah beban rakyat.

Ketua Pemuda PAS, Nik Muhammad Abdur Nik Abdul Aziz, berkata antara yang perlu 'diubahsuai' Kerajaan Persekutuan adalah memberi penekanan menyele-

saikan kos sara hidup rakyat.

"Pemuda PAS menolak jika kerajaan memotong subsidi gas petroleum cecair (LPG) disebabkan isu kerugian sehingga RM800 juta subsidi berkenaan atas faktor penyelewengan."

"Ia bukan penyelesaian terhadap penyelewangan yang berlaku," katanya dalam kenyataan

media.

Katanya, Kerajaan Persekutuan disarankan melihat pada unit ekonomi lebih kecil iaitu ekonomi kekeluargaan.

"Jika ekonomi kekeluargaan dicukupkan, ia mengembalikan kuasa membeli rakyat dan masalah ekonomi negara beransur pulih dan stabil," katanya.

SHAH ALAM - Kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak dan bapanya menunjukkan jurang dan perbezaan yang semakin ketara.

Penganalisis Politik, Shahbudin Husin, berkata banyak aspek perbezaan antara 'anak dengan bapa' yang disingkap dalam seminar sempena 40 tahun pemergian Bapa Pembangunan itu baru-baru ini.

Katanya mereka yang pernah bekerja dan mengenali Tun Razak mempunyai banyak cerita berkenaan perkara itu.

"Berbual-bual dengan mereka, tanpa ragu-ragu, terbuka dan lantang pasti akan terpacul suara, 'langsung tak sama.'

KEADILAN desak penjelasan dana sukuk

SHAH ALAM - 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dicabar mendedahkan perincian perbelanjaan dana sukuk selepas syarikat itu gagal menjawab soalan utama.

Setiausaha Agung KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata 1MDB gagal menjelaskan isu baki RM1.6 bilion daripada keseluruhan RM2.4 bilion sukuk diterbitkan menerusi Bandar Malaysia Sdn Bhd pada 2014.

"1MDB dicabar mendedahkan perincian perbelanjaan menggunakan dana sukuk itu terutamanya perbelanjaan 1MDB RE bagi menjelaskan ke mana keseluruhan dana sukuk dibelanjakan," katanya dalam kenyataan.

Rafizi berkata, 1MDB sepat-

"Antara DEB dan 1MDB saja sudah cukup menunjukkan bezaanya bagai langit dengan bumi antara Tun Razak dengan Najib," tulis Shahbudin di laman blognya.

Katanya, jangkaan Tun Razak dengan tidak menggalakkan Najib mencebur politik, semuanya sudah menjadi nyata dan terbentang di depan mata kita.

"Meskipun berjaya menjadi Perdana Menteri, Najib lebih banyak membawa 'sengsara' berbanding 'bahagia' sedangkan memberi kebahagiaan kepada rakyat dan negara itulah peganan asas bapanya.

"Masihkah kita mahu mengekalkannya lagi?" soal beliau.

utnya mempunyai baki RM1.48 bilion selepas mengambil kira syarat rizab simpanan minima sukuk sebanyak RM72 juta dan belanja serta yuran menerbitkan bon sebanyak RM48 juta.

"1MDB perlu menjawab bagi tujuan apakah RM1.48 bilion digunakan anak syarikatnya, iaitu 1MDB RE, daripada dana sukuk ini sedangkan ia tidak mempunyai aktiviti perniagaan selain pemaju Hartanah di Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia.

"Mustahil sebuah syarikat yang fungsi utamanya menjual tanah memerlukan RM1.48 bilion untuk membiayai operasi," katanya.

Tumbangkan Umno BN dalam PRU-14

KEADILAN: Kekal prinsip satu lawan satu

OLEH NAZLI IBRAHIM

SEPANG - Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata beliau mahu prinsip satu lawan satu dipertahankan untuk menumbangkan Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihanraya Umum ke-14 (PRU14).

Beliau yang juga Menteri Besar berkata, kepimpinan Kerajaan Selangor kekal fokus pada isu pembangunan dan kebajikan bagi memastikan tanggungjawab membela nasib rakyat dapat diteruskan berbanding bermain isu politik.

Katanya beliau hanya membincangkan isu politik termasuk isu agihan kerusi sekiranya ada seseorang yang sanggup menghubungi 'wanita di sana' bagi mendapatkan tarikh PRU-14.

"PRU-14 masih jauh lagi, kita pun belum ada tarikh. Jadi itu memang biasa dalam pilihan raya ada proses rundingan kerana kita mahu prinsip satu lawan satu dipertahankan untuk menumbangkan Umno dan BN.

"Tahu pilihan raya bila? Kalau anda boleh telefon seorang 'wanita di sana' dan tanya tarikh, boleh kita duduk bin-cang tetapi sekarang masih jauh lagi.

"Tanggungjawab pimpinan negeri adalah tumpu soal pembangunan untuk memastikan sistem penyampaian ini sampai," kata Mohamed Azmin.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah di Masjid Al-Mustaqim, Kampung Dato' Abu Bakar Baginda di sini, pada 17 Januari lalu.

PRU-14 masih jauh lagi, kita pun belum ada tarikh. Jadi itu memang biasa dalam pilihan raya ada proses rundingan kerana kita mahu prinsip satu lawan satu dipertahankan untuk menumbangkan Umno dan BN

MOHAMED AZMIN
Timbalan Presiden
KEADILAN

Bagaimanapun, Mohamed Azmin tidak menyatakan dengan jelas siapakah 'wanita di sana' yang dimaksudkan.

"Menteri tak apalah, makan sampai perut pecah"

SHAH ALAM - Menteri kabinet yang menyarankan pelajar universiti bekerja bagi menampung kehidupan diselar bekas pemimpin pelajar Universiti Malaya (UM), Fahmi Zainol.

Beliau menempelak kenyataan itu kerana ketika membincangkan soal mahasiswa lapar namun menteri itu sendiri tidak menyelami penderitaan dihadapi golongan itu mutakhir ini.

"Tengok, bila ada mahasiswa lapar, dikatakan manja? Inilah taraf layanan yang disajikan buat mahasiswa oleh kerajaan."

"Apabila mahasiswa Malaysia 2016, baru kenal erti lapar. Korang menteri tak apalah, makan sampai perut pecah. Mana pernah rasa lapar?" tulis Fahmi di laman Facebooknya.

Fahmi berkata, tiada peningkatan dalam biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hampir sepuluh tahun tidak setara dengan peningkatan kos sera hidup.

"Harga teh ais, nasi lemak, teh oh ais dan mee segera naik dalam tempoh 10 tahun. Dalam tempoh 10 tahun kebelaka-



Menteri sendiri tidak menyelami penderitaan dihadapi pelajar

ngan ini pun gaji ahli parliment dan ahli dewan undangan negeri naik.

"Pelanjawan pendidikan 2016 dipotong? Di mana kesaksamaannya?" soalnya.

Beliau berkata kerajaan tidak menjalankan tanggungjawab asas mereka iaitu menyediakan pendidikan, kebajikan, keselamatan dan kesihatan buat rakyat

dengan akhirnya mahasiswa dipersalahkan.

"Mahasiswa sekarang ini terkejar-kejar cari merit nak duduk kolej, nak tambah markah kokurikulum, perlukan 'nilai tambah' dalam sijil apabila keluar bekerja nanti."

"Dalam masa sama Menteri dan Timbalan Menteri suruh 'buruk-buruk' ni bekerja," katanya.

Pembangkang perlu bersatu hadapi BN

SHAH ALAM - Naib Presiden KEADILAN, Nurul Izzah Anwar menyru barisan pembangkang bahawa rakyat negara ini mahu mereka bersatu mementang BN.

Katanya, prinsip satu lawan satu yang diamalkan pembangkang sejak dulu perlu diteruskan untuk pilhan raya akan datang.

"Seperti biasa, kita sebagai sebuah parti... menyedari hanya satu sahaja cara untuk melawan BN iaitu dengan perlawanansatu lawan satu.

"Jadi, kita teruskan dengan prinsip itu. Saya harap semua pihak mengambil hemat dan teruskan usaha kita kerana rakyat mahuakan pembangkang yang bersatu," katanya dipetik Sinar Online.

Katanya, pertemuan antara pimpinan PKR dengan PAS berlaku secara informal dari semasa ke semasa.

Sementara itu, ketika diminta mengulas soal pengaruh BN di



Nurul Izzah

kawasan luar bandar di Sarawak, Nurul Izzah yang juga Pengarah Pilihan raya KEADILAN mengakui Ketua Menterinya, Tan Sri Adenan Satem adalah faktor utama prestasi BN baik di negeri berkenaan.

Katanya, KEADILAN akan bekerja keras di Sarawak dan menawarkan calon terbaik bagi melahirkan suara rakyatnya dalam pilihan raya negeri itu.

Referendum rakyat sebelum setuju TPPA

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan mesti mengadakan referendum rakyat sebelum membuat keputusan menandatangi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata dengan referendum itu, rakyat lebih jelas implikasi baik buruk keterlibatan negara dalam TPPA melalui siri pererangan dan penjelasan.

Katanya, pimpinan kerajaan Umno BN tidak seharusnya meletakkan negara pada situasi yang terdedah kepada pengaruh berlebihan pihak asing terutamanya Amerika Syarikat.

"Perkara dibimbangi TPPA adalah kos perubatan dijangka melambung yang bakal merompak hak rakyat marhaen menikmati perubatan boleh tampung."

"Jangan kerana TPPA menyebabkan hanya rakyat kaya sahaja mampu menikmati perubatan," kata Tuan Ibrahim dalam kenyataan media.

Beliau berkata, TPPA memberi kelebihan syarikat asing untuk menembus pasaran negera TPP.

Katanya, negara tidak menikmati perkara itu malah membahayakan ekonomi syarikat tempatan.

"Ia bermakna Malaysia akan melepaskan kedaulatannya se-



Tuan Ibrahim

bagi negara bebas yang tidak terikat dengan sebarang blok kuasa utama dunia.

"Apakah Malaysia masih bebas bersuara tatkala Amerika dan sekutunya Israel menindas negara Islam seperti Palestin tanpa sebarang risiko dikenakan sekatan ekonomi kerana TPPA selepas ditandatangani nanti?" soalnya.

Beliau berkata Himpunan rakyat membantah TPPA pada 23 Januari ini adalah sebahagian daripada usaha dan keimbangan rakyat terhadap sikap pihak kerajaan yang bersungguh-sungguh menyertai perjanjian itu.

Himpunan itu adalah desakan kepada kerajaan agar mengambil kira pandangan dan bantahan rakyat terhadap perjanjian TPPA.

Jangan biar rakyat mengemis

MB: Percepat proses hak milik tanah

OLEH NAZLI IBRAHIM

SEPANG - Semua Pegawai Dae-rah diarahkan mempercepatkan proses permohonan tanah dan mengurangkan birokrasi bagi memastikan peneroka tanah kerajaan mendapat hak mereka.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata menjadikan agenda Kerajaan Negeri untuk memastikan tanah diteroka sekian lama diberikan kepada pemilik yang berhak.

"Mereka sebenarnya tidak perlu mengemis dan meminta-minta, jika kita pegang prinsip ini kita boleh selesaikan banyak masalah."

"Tidak perlu melalui birokrasi melampau, dipercepatkan proses sebab mereka sudah tunggu lama. Ada di antara mereka sudah meninggal," kata Mohamed Azmin.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah di Mas-

jid Al-Mustaqim, Kampung Dato' Abu Bakar Baginda di sini, pada 17 Januari lalu.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh memastikan pengagihan dan pemberian hak milik tanah ini adil kepada rakyat yang menerima tanah kerajaan.

Ini termasuk mengenakan premium nominal berbanding remum semasa di sesetengah lokasi menccah RM1 juta.

Terdahulu, pada majlis penyerahan hak milik tanah itu, seramai lapan penduduk Kampung Dato' Abu Bakar Baginda yang merupakan peneroka lebih 40 tahun lalu menerima hak milik tanah masing-masing.

Setiap penerima dikenakan premium nominal RM1,000 sahaja bagi tanah diberi hak milik berbanding nilai premium semasa yang hampir menccah RM1 juta ekoran lokasi kampung terbabit bersebelahan Putrajaya dan Bandar Baru Bangi.



Penantian 30 tahun peneroka dapat hak milik tanah berakhir

SEPANG - Di sebalik perasaan gembira kerana diberi hak milik tanah didiami keluarganya sejak 30 tahun lalu, jauh dilubuk hati Mohd Idaham Mustafa terselit perasaan sedih dan terkilan ekoran kegembiraan ini tidak dapat dikongsikan bersama bapanya.

Peniaga berusia 30 tahun itu berkata, pesan arwah bapanya supaya tidak berputus asa menjadi pendorong utama untuk beliau terus berusaha gigih mendapatkan hak milik tanah kediaman mereka sekeluarga.

"Alhamdulillah, sudah sele-sai. Bapa saya meninggal pada 2013, jadi tanah ini kami letak nama dia. Sebelum itu arwah selalu ingatkan selesaikan hal tanah ini hingga masa dia sakit juga dia asyik minta selesaikan, suruh pergi ke pejabat tanah sebab itu saya uruskan sampai berjaya."

"Hari ini bapa sudah tiada, memang sedih tetapi saya lega dapat tunaikan hasrat bapa sele-saikan pemilikan tanah."

"Memang nampak kesungguhan Kerajaan Negeri sekarang selesaikan hak milik tanah yang tidak selesai sudah 30 tahun. Terima kasih Kerajaan Negeri," kata anak kelima daripada tujuh adik beradik itu.

Mohd Idaham berkata, ketika ini rumah dibina arwah bapanya di Kampung Dato' Abu Bakar



Mohd Idaham Mustafa



Hussin Ahmad

Baginda itu didiami beliau dan dua adiknya yang masih belum berkahwin.

Hussin Ahmad, 74, pula terpaksa mengambil masa beberapa minit untuk menjawab ketika diwawancara ekoran terlalu sebak apabila mengenangkan pengalaman pahit dan manis ditempuhi untuk mendapatkan hak milik tanah di kampung sama.

"Sangat gembira apabila dapat tanah diusahakan lebih kurang sejak 1962 dan pada 1979 saya mula buat rumah. Sampai sekarang sudah 30 taun tinggal sini."

"Dulu bila lepas habis berkhidmat dalam tentera saya juga pernah cuba mohon tanah di Sepang tetapi ditolak," kata bekas Pegawai Waran 2 itu.

Seorang lagi penerima hak milik tanah kediaman Kampung Dato' Abu Bakar Baginda, bekas Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa, Dr Abdul Rahman Awang pula berkata, beliau sebelum ini tetap menaruh keyakinan usahanya mendapatkan hak milik tanah tercapai.

"Syukur. Perasaan saya amat gembira tidak boleh ungkap kegembiraan sebab sudah menunggu lebih 30 tahun untuk dapat hak milik tanah rumah ini."

"Hari ini saya rasa betul-betul tinggal dan ada hak milik tanah sendiri."

Alhamdulillah dengan Kerajaan Negeri sekarang boleh jadi kenyataan. Manusia berubah, kerajaan juga berubah tetapi tuhan tetap bersama dengan kita," katanya.

Pembaca SelangorKini lebih minat isu dasar

SHAH ALAM - Pembaca portal berita rasmi Kerajaan Negeri, SelangorKini lebih cenderung menumpukan isu dasar melibatkan kepentingan rakyat berbanding isu politik.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata keadaan ini membuktikan kematan rakyat dan mendorong Kerajaan Negeri memastikan dasar atau program dilaksanakan sampai ke golongan sasaran.

"Kita harus ingat rakyat cukup matang apabila mempunyai latar belakang pendidikan cukup baik dan mereka berminal membincangkan isu pembangunan dan isu dasar yang akhirnya dapat membangunkan negeri."

"Dalam perbincangan dan mesyuarat, ditegaskan pada Ahli Exco supaya bertanggungjawab memikul amanah dengan menggubal dasar kepedulian rakyat dan diputuskan memberi manfaat kepada rakyat," kata Mohamed Azmin kepada SelangorKini.

Mohamed Azmin mengulangi tekad beliau dan berasan kepimpinan negeri supaya tradisi dan prinsip kepedulian rakyat dipertahankan bagi memastikan rakyat mendapat pembelaan adil sekaligus makmurkan negeri.

"Baru-baru ini kita menyen-

dari hal ini dan membentuk satu unit penyampaian supaya dasar diputuskan, program dilaksanakan dapat ke kumpulan dasar sehingga ke desa," kata Mohamed Azmin.

Sepanjang 2015, SelangorKini mendapat pembaca portal berita SelangorKini bagi segmen berita Selangor lebih menumpukan isu dasar dan program Kerajaan Negeri berbanding isu lain termasuk politik.

Analisis dibuat berdasarkan berita dikongsi sebanyak 50 kali dan lebih di akaun media sosial facebook masing-masing secara terus daripada portal SelangorKini bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2015.

Antara paling mendapat tempat, berita berkenaan isu perumahan khususnya melibatkan projek Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri, Rumah Selangorku yang dikongsikan secara terus sebanyak 4,341.

Sementara itu, bagi isu melibatkan pendidikan dan agama pula dikongsi sebanyak 1,124 dan bantuan kemanusiaan banjir sebanyak 1,264 dan isu air pula 905 kali.

Selain itu, berita yang turut mendapat tempat di hati pembaca SelangorKini sepanjang 2015 adalah isu kemanusiaan, sukan, lawatan Menteri Besar dan lain-lain.

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Mohamad Omar Mansu berazam menjulang nama Selangor dengan menjuarai majlis menghafaz Al-Quran peringkat kebangsaan di Perak pada 15 hingga 20 Februari ini.

Penuntut Kolej Universiti Insanah (KUIN), Kedah berusia 21 tahun itu mewakili daerah Sabak Bernam, muncul juara lelaki majlis menghafaz Al-Quran peringkat Selangor 2016.

Beliau yang mula menghafaz Al-Quran pada usia sembilan tahun mewakili daerah terbabit kerana sebelum ini menuntut di salah sebuah maahad tahfiz di sana.

"Dengan bimbingan guru, saya akan berusaha lebih gigih bagi mempersiapkan diri peringkat kebangsaan," katanya pada 16 Januari lalu.

Dengan bimbingan guru, saya akan berusaha lebih gigih bagi mempersiapkan diri

MOHAMAD OMAR
Juara Lelaki

Azam harumkan Selangor

Juara hafazan sasar peringkat kebangsaan

Juara wanita, Ainul Mardiah Md Pakhrurrazi, 20, turut menyimpan azam sama bagi mengharumkan nama Selangor.

"Saya perlu berusaha memperbaiki hafazan dan tafsir. Untuk peringkat kebangsaan, saya memang sering menyasarkan muncul juara dan harap berjaya."

Wakil Hulu Langat itu adalah mantan pelajar Maahad Tahfiz Integrasi Sains dan Teknologi Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat dan mula menghafaz Al-Quran pada usia 13 tahun.

Beliau mula menyertai pertandingan peringkat negeri pada 2011 ketika berusia 15 tahun dan pernah menjuarai kategori satu hingga 20 juzuk peringkat kebangsaan pada 2013.

Mohamad Omar dan Ainul

Saya perlu berusaha memperbaiki hafazan dan tafsir. Untuk peringkat kebangsaan, saya memang sering menyasarkan muncul juara dan harap berjaya

AINUL MARDIAH
Juara Wanita

Mardiah masing-masing menerima hadiah RM5,000, anugerah mengerjakan umrah, piala irungan, sepersalinan pakaian dan sijil penyertaan daripada Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah, yang mewakili Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.



LZS bantu keluarga kehilangan mata pencarian

SHAH ALAM - Bapa kepada empat orang anak, Azmi Shahruddin yang hilang mata pencarian dibantu Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Menerusi laman facebooknya, LZS berkata bantuan dihulurkan bagi memastikan anaknya meneruskan kecemerlangan dalam pelajaran.

"Salah seorang daripada mereka bersekolah di Sekolah Menengah Sains Alam Shah, seorang lagi di MRSM Lenggong dan dua orang lagi di SMK Bandar Tun Huseein Onn 2," kata LZS dalam facebooknya.

Azmi sebelum ini adalah pegawai keselamatan dan sedang mencari pekerjaan setelah dibentikkan baru-baru ini. Nasib keluarga ini terus diduga apabila



mereka terhimpit dengan tunggakan sewa rumah.

Melihat desakan kehidupan keluarga ini, bantuan zakat disalurkan.

Mereka juga diberikan bantuan asas bagi menampung keperluan kehidupan. Antara-

nya bantuan kewangan bulanan, makanan bulanan, bantuan sewa rumah tertunggak.

"Mudah-mudahan bantuan zakat disalurkan kepada keluarga ini dapat meringankan bebanan ditanggung. Terima kasih pembayar zakat," kata LZS.

Maulidur Rasul DUN Teratai meriah

CHERAS - Sambutan Maulidur Rasul di DUN Teratai meriah dengan carnival dan pameran tajaaun Adun Teratai, Tiew Way Keng bersama agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Antara agensi terlibat adalah Jabatan Kesihatan Daerah Hulu Langat, Perhilitan Wilayah, TAWAS, JPAM Kuala Lumpur, MAPIM, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Suruhanjaya Pilihanraya dan Lembaga Perpustakaan Selangor.

Masjid Nuruss'adah Kampung

Cheras Baru, Cheras dipilih sebagai tuan rumah bagi merealisasikan peranan institusi ibadah dan pusat komuniti masyarakat.

Sebanyak lapan kontinen menyertai perarakaran Maulidur Rasul mewakili sekolah, surau dan persatuan penduduk di sekitar DUN Teratai.

Hadiyah utama berupa wang RM1,000 diajukan Kontinen Surau Pangsapuri Intan yang berbaju sedondon berwarna coklat dan berbunga biru.



Al-Quran pupuk modul berakhlik mulia

SHAH ALAM - Pendidikan Al-Quran adalah elemen terpenting dalam proses melahirkan generasi bertanggungjawab dan berakhlik mulia.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ayha, berkata mendalaminya disiplin ilmu Al-Quran juga dapat membantu pertumbuhan sahsiah, menyemai dan mengekalkan jati diri individu.

"Dalam usaha merealisasikan acuan terbabit penting jika ia bukan sahaja dibaca, dihafaz malah generasi muda harus memahami dan beramal dengan ayat Al-Quran itu sendiri."

"Perlu diingat, sesebuah masyarakat itu diukur melalui nilai keintelektualan dan ketinggian

peradaban yang dicapai," katanya pada majlis menghafaz Al-Quran peringkat Selangor pada 16 Januari lalu.

Beliau berkata, penghayatan ajaran Al-Quran yang sebenar juga mampu menyatakan umat berpercaya bah.

"Umat Islam harus sentiasa bermufakat dan bersatu padu dalam setiap perkara membabitkan kepentingan ummah," katanya.

Penganjuran majlis menghafaz Al-Quran peringkat Selangor adalah simbol komitmen Kerajaan Negeri bagi memartabatkan dan meninggikan kedudukan Al-Quran dan memuliakan penghafaz Al-Quran.

Rancak industri perikanan

RM3.1 juta bina jeti baru

OLEH HAFIZAN TAIB

TANJUNG SEPAT - Pembinaan jeti baru secara berperingkat akan menyelesaikan masalah jeti haram yang wujud sejak sekian lama di Selangor.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri kini dalam proses merangka pembinaan jeti di kawasan terbabit membabitkan kos RM3.1 juta.

"Ini satu contoh apabila Kerajaan Negeri melalui Adun, Mohd Haslin Hassan, mengambil inisiatif berbincang dengan persatuan nelayan dan akhirnya bersetuju membina jeti baru untuk manfaat nelayan di sini."

"Usaha sama juga sedang dilakukan Adun Sekinchan, Ng Suee Lim yang beberapa kali membawa isu itu di Dewan Negeri Selangor (DNS) dan kita memulakan usaha mewarta jeti serta memastikan pusat pengumpulan ikan lebih baik supaya hasil dapat dipasarkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Pembinaan Semula Jeti Nelayan Tanjung Sepat, di sini, pada 17 Januari lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, beberapa kawasan dikenal pasti memiliki jeti haram, antaranya Sabak Bernam, Tanjung Karang dan Sekinchan yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

Katanya, ia juga dibina di atas tanah rezab sungai yang sepatutnya diuruskan Jabatan Pengairan dan Saliran serta Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

"Saya melihat contoh di Sabak Bernam dan Kuala Selangor, maka mencadangkan program pemutihan untuk memastikan jeti haram uzur dan tidak selamat ini dibina semula."

"Pembinaan jeti itu dilenggarakan JPS untuk memastikan aktiviti nelayan dijamin selamat serta menjadi penjanaan hasil keluarga nelayan," katanya.



Mohamed Azmin mendengar penjelasan Haslin berkeraan pembinaan jeti baru di DUN itu

Projek Mitigasi 2 mampu tangani El Nino

SHAH ALAM - Projek Mitigasi 2 yang siap sepenuhnya pada Januari ini mampu menampung keperluan air terawat di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS), Yeo Bee Yin, berkata Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor mengambil langkah proaktif bagi menghadapi musim kering berpanjangan atau El Nino.

"Saya berpuas hati tetapi ini pendengaran tertutup pertama dan kita buat pendengaran seterusnya untuk maklumat lebih lengkap daripada segi teknikal dan angka," katanya kepada SelangorKini.

Bee Yin turut melahirkan keya-

kinan semua empangan sedia ada mampu bertahan sepanjang musim El Nino kecuali bagi Empangan Langat.

"Saya agak yakin untuk Sungai Selangor yang membekalkan 60 peratus air bersih, tetapi yang menjadi kerisauan kami adalah Empangan Langat dan jawatankuasa akan adakan pendedaran seterusnya."

"Fokus diberikan kepada empangan itu ekoran bimbangkan persediaan kolam dan pencemaran," katanya lagi.

Terdahulu, pendengaran tertutup JPK-SAS diadakan bagi membincangkan persediaan menghadapi kesan El Nino yang dijangka berlarutan sehingga Mac 2016.

Jeti baru Tanjung Sepat rancak ekonomi nelayan

TANJUNG SEPAT - Pembinaan jeti baru di sini bakal merancakkan aktiviti tempatan dan membawa manfaat ekonomi kepada masyarakat tempatan terutama nelayan.

Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan, berkata langkah diambil Kerajaan Negeri bersesuaian dengan kehendak semasa di kawasan itu ekoran jeti



dibuat selepas persetujuan dicapai dengan persatuan nelayan tempatan.

Katanya, ia sekaligus mengakhiri masalah jeti yang berlarutan di kawasan itu lebih 20 tahun.

"Wakil rakyat sebelum ini tidak mengambil peduli dan tidak membuat cadangan kepada Ke-

Apabila dibina jeti baharu, ia menjadi pemangkin ekonomi setempat dan masyarakat akan menikmati impaknya

HASLIN HASAN
Adun Tanjung Sepat

rajaan Negeri.

"Alhamdulillah hari ini adalah detik berasih bagi Tanjung Sepat kerana mendapat jeti baru dan terima kasih Kerajaan Negeri," katanya.

Gerai jualan tingkat pendapatan

TANJUNG SEPAT - Penyediaan gerai jualan di kawasan pembangunan jeti baru di sini membantu para nelayan meningkatkan pendapatan mereka.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kemudahan dibangunkan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) itu membolehkan nelayan menjalankan aktiviti pemasaran hasil

tangkapan dengan efektif.

"Kerajaan Negeri memberi sokongan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membinaanya bagi warga nelayan memasarkan hasil tangkapan masing-masing," katanya.

Beliau berkata, pembinaan jeti baru itu menjadi pemangkin kepada kegiatan ekonomi rakyat di situ khususnya nelayan di persi-

siran Tanjung Sepat.

"Saya dimaklumkan pembinaan jeti baru ini dapat menampung kapasiti lebih kurang 60 bot nelayan di samping menyediakan kemudahan ke laut dan proses pendaratan ikan," katanya.

Kerajaan Negeri menyeluruh peruntukan RM3.1 juta bagi pembinaan jeti baharu di situ yang dijangka siap Januari 2017.



LEBUHRAYA SUNGAI BESI - ULU KELANG (SUK)



Pembinaan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang

LLM, Prolintas diarah jumpa penduduk

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Projek Lintasan Kota Holdings (Prolintas) diarahkan supaya berbincang dengan wakil penduduk berkenaan pembinaan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUK).

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ia perlu dilakukan selewat-lewatnya hujung bulan ini bagi melaikan perkara berbangkit membabitkan lebuhraya itu.

"Kita minta penjelasan LLM dan Prolintas berkenaan bantahan didengar dan berbincang bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Selangor, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk menerangkan pembangunan ini.

"Saya minta (perbincangan)

diadakan segera dalam bulan ini juga," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) di SUK, pada 14 Januari lalu.

Mohamed Azmin berkata, perubahan jajaran akhir lebuhraya berkenaan masih belum dimukamkan dan perlu melalui proses penyiasatan di bawah Seksyen 11 Akta Perhutanan Negara.

Beliau berkata, kaedah penyiasatan itu memerlukan proses pendekaran daripada penduduk jika berlaku bantahan ke atas jajaran ditetapkan.

"Itu proses biasa (perubahan jajaran), yang penting saya mahu LLM dan Prolintas mematuhi garis panduan sedia ada khususnya hubungan dengan penduduk, wakil penduduk dan pihak terlibat.

"Saya ambil keputusan tegas dalam bulan ini dengan agensi berkenaan mesti jumpa wakil penduduk dan saya difahamkan mereka dipanggil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) untuk menjawab beberapa soalan.

"Ini adalah perkembangan sihat supaya bantahan itu dideangan," katanya.

SUK dirancang sejauh 32 kilometer untuk menjadi laluan alternatif kepada Lebuhraya Jaringan Tengah II (MRR2) daripada Sri Petaling Ke Ulu Klang, melalui Sungai Besi, Cheras, Kajang dan Taman Putra Ampang.

Pembinaan lebuhraya itu sekali-gus menjadi laluan alternatif bagi mengurangkan kesesakan di MRR2 khususnya di kawasan Ulu Klang, Ampang dan Pandan Indah.

daripada pelbagai pihak. "Selangor bersetuju keputusan isu vape tertakluk kepada arahan dan dasar semasa KKM," katanya dalam satu kenyataan pada 13 Januari lalu.

Daroyah berkata, semua akta terlibat dalam pelaksanaan itu seperti Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 adalah di bawah bidang kuasa KKM, bukannya Kerajaan Negeri.

Katanya, hasil mesyuarat meminta ia ditangani penuh tanggungjawab tanpa tergesa-gesa dan mendapat maklum balas

Sedia dengar keluhan bantahan bina lebuhraya

SHAH ALAM - Kumpulan yang tidak bersetuju dengan pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) dan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUK) dipanggil Kerajaan Selangor bagi mendengar keluhan masyarakat setempat.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata projek itu dalam proses pendekaran awam dan kaedah siasatan serta keputusan dibuat berdasarkan peruntukan yang ada dalam Akta Perhutanan Negara.

"Saya sudah hubungi saudara Mohd Agus supaya maklum pada kumpulan yang bantah untuk bertemu dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan pembinaan lebuhraya EKVE merosakkan habitat hidupan liar.

Sebelum ini, pelbagai pihak mengemukakan bantahan terhadap pembinaan lebuhraya baru yang melibatkan pengambilalihan beberapa kawasan hutan.

SPAN serbu premis sambung paip haram

SUNGAI BULOH - Sebuah tapak pembinaan Transit Aliran Deras Massa (MRT) yang melakukan sambungan secara tidak sah diserbu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).

Dalam operasi mengejut itu, SPAN mendapati terdapat sambungan dibuat secara 'short piece' menggunakan paip jenis poli berukuran 20 milimeter (mm) pada tetiang meter premis itu.

Eksekutif Kanan, Unit Komunikasi Korporat SPAN, Loh Pit Mui, berkata ia menyalurkan bekalan air ke kawasan kediaman sementara bagi pekerja di premis berkenaan untuk kegunaan harian.

"Sumber bekalan air adalah berpunca daripada paip utama SYABAS berukuran 150mm.

"Ujian klorin di tapak mengeksahnkan bekalan air yang diam-bil adalah air terawat yang disalurkan SYABAS," katanya pada Operasi Penguatkuasaan Cegah Sambungan Haram, di sini, pada 13 Januari lalu.

Beliau berkata, kesalahan itu dilakukan di bawah Seksyen 123

Ujian klorin di tapak mengeksahnkan bekalan air yang diambil adalah air terawat yang disalurkan SYABAS

LOH PIT MUI

Eksekutif Kanan, Unit Komunikasi Korporat SPAN

(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang mana siasatan lanjut akan dilakukan pihak SPAN.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Sehubungan itu, katanya, SPAN memohon kerjasama orang awam untuk melaporkan kes disyaki melakukan kecurian kepada Bahagian Penguatkuasaan SPAN di talian 03-83179333 atau emel aduan@span.gov.my.

Vape: KKM digesa gubal undang-undang

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) digesa menggubal peruntukan undang-undang berkaitan penggunaan rokok elektronik atau vape untuk dilaksanakan dengan berkesan.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata rumusan bengkel khas isu vape pada 10 hingga 12 Januari lalu sudah dibawa ke Mesyuarat Exco.

Katanya, hasil mesyuarat meminta ia ditangani penuh tanggungjawab tanpa tergesa-gesa dan mendapat maklum balas

kan kelulusan atau pembaharuan lesen kepada pengusaha vape selaras dengan surat KKM.

PBT bakal mewartakan kawasan larangan merokok sebagai kawasan larangan vape, antaranya premis kerajaan, hospital, institusi pendidikan, kawasan ibadat, taman permainan dan rekreasi, kawasan rawat dan rehat (RNR).

"Larangan penjualan kepada usia 18 tahun ke bawah dikekalkan seperti-mana larangan terhadap penjualan tembakau dan rokok," katanya.





01
Adun Rawang, Gan Pei Nei merasmikan mesyuarat agung tahunan pertama bagi Persatuan Penduduk Saffron Puteri Heights

02
Penerima Skim Mesra Usia Emas (SMUE) fasa kedua bergambar kenangan bersama Adun Teratai, Tiew Way Keng di DUN itu

03
Adun Taman Medan, Haniza Talha turun padang bersama masyarakat Desa Sepakat Tingkat 7, Blok A dalam aktiviti kejiranan

04
Adun Morib, Hasnul Baharuddin di Program Jom Shopping Back To School TAWAS

05
Adun Seri Andalas, Dr Xavier Jayakumar menyampaikan sumbangan perlu sempena perayaan Ponggal di Hulubalang, Taman Sentosa, Klang

06
Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi menyantuni pasangan tujuh tahun berkahwin yang baru dikurniakan zuriat

07
Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali bersama-sama masyarakat dalam Sambutan Maulidur Rasul Peringkat DUN Selat Klang

08
Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail melawat Kampung Padang Jawa Klang dan menyampaikan sumbangan SMUE serta kebajikan kepada penduduk di DUN itu

Ketika beliau memegang jawatan Pengarah Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Mala (UMCEDEL), kajian dijalankanannya sering dijadikan kayu pengukur bagi kebaikan organisasi politik, media dan masyarakat umum untuk menilai tahap sokongan terhadap sesuatu parti atau isu.

Kajian dijalankan UMCEDEL itu bersifat akademik dan dihormati ramai pihak. Malangnya beliau akhirnya dipecat apabila keputusan kajian dijalankannya tidak disenangi pemimpin Barisan Nasional (BN).

Hari ini beliau yang baru dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL) berhasrat menjadikan UNISEL sebagai sebuah universiti ulung dan turut memiliki sebuah badan penyelidikan bebas dihormati dan menjadi rujukan ahli akademik dalam dan luar negara.

Selain itu, beliau turut merancang pelbagai perkara lain yang mampu menaikkan nama UNISEL sebagai jenama kukuh.

Wartawan Selangor-Kini, NAZLI IBRAHIM berkesempatan menemu bual Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman untuk berkongsi visi dan perancangan yang bakal dilaksanakan.



Jadikan UNISEL badan penyelidikan bebas

Kampus hijau pusat rujukan antarabangsa

Boleh kongsikan harapan dan perancangan Datuk setelah dilantik sebagai Naib Canselor UNISEL?

Terima kasih dan penghargaan saya kepada Kerajaan Selangor memimpin sebuah universiti yang memiliki jenama tersendiri. Saya lihat potensi ini boleh digarap untuk menjadikan kemekaran ilmu UNISEL memberi manfaat kepada banyak pihak.

Menjadi tanggungjawab saya memastikan perkara ini dapat dilaksanakan sebaik-baiknya dan segala cabaran mendatang akan dapat dia-

Saya lihat UNISEL ada kelebihan kerana terletak di kawasan luar bandar dan keluasan lebih 1,000 ekar. Antara perkara yang akan saya usahakan adalah menjadikan UNISEL sebagai kampus hijau dengan kemekaran ilmu

DR MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN
Naib Canselor Universiti Selangor

tasi dengan baik atas sokongan Exco Negeri, Nik Nazmi Nik Ahmad, Kerajaan Selangor dan Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) yang menaruh harapan tinggi menjadikan UNISEL sebuah model universiti.

Lantaran itu sebenarnya saya melihat harapan berkenaan memang tinggi, tetapi sudah tentu disertai dengan sokongan. Adanya elemen harapan dan sokongan ini saya yakin UNISEL berjaya menjalani transformasi dalam tempoh terdekat.

Mungkin ada perancangan baru untuk UNISEL yang boleh Datuk kongsikan?

UNISEL sebuah universiti yang sudah ada jenama, tetapi bagaimana kita hendak memastikan jenama itu dapat dijelmakan dalam bentuk realiti.

Daripada segi perancangan, antara perkara yang menjadi tumpuan adalah infrastruktur dan penambahbaikan ekoran UNISEL sudah ditubuhkan lebih 10 tahun lalu.

Jadi sudah tentu ada kerosakan di sana-sini yang harus diberi keutamaan supaya imej UNISEL itu dapat diperbaharui.

Saya lihat UNISEL ada kelebihan kerana terletak di kawasan luar bandar dan keluasan lebih 1,000 ekar. Antara perkara yang akan saya usahakan adalah menjadikan UNISEL sebagai kampus hijau dengan kemekaran ilmu.

Perkara ini disifatkan sebagai isu 'hardware', tetapi bagaimana dengan isu 'software' pula seperti dibutuhkan oleh Nik Nazmi untuk dimemarkan dengan penerbitan, penyelidikan, jaringan kerja antarabangsa dan jaringan peringkat dalam dan serta kita juga tidak harus lupa menaikkan semangat kakitangan



supaya dapat sama-sama meningkatkan UNISEL.

Saya yakin dengan adanya rancangan bersifat demikian, satu kemajuan boleh dicapai dalam tempoh sesingkat mungkin ekoran UNISEL sudah ada jenama dan potensi cuma perlu digarap untuk memastikan ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Pada pandangan Datuk, bila-hak rancangan kampus hijau dapat dilaksanakan?

Apabila saya sebut pembangunan hijau, sebagai contoh di Kampus Bestari Jaya, kita ada beberapa tasik cantik, manakala kalau kita pergi ke universiti ter-sohor dunia mereka memang membuat tasik bersifat ikonik.

Bagi merealisasikan rancangan ini, saya berbincang dengan pengurusan kanan bagaimana kita boleh mendapat tajaan pihak swasta di samping menganjur-uarkan untuk menaja sebuah pokok misalnya.

Saya tertarik dengan model di Beijing semasa membuat persiapan temasya Sukan Olimpik. Ketika saya pergi ke sana, Beijing masih merupakan kawasan padang pasir, tetapi dalam masa tidak sampai dua tahun sahaja sudah menjadi bandaraya hijau. Pendekatan mereka adalah menanam pokok yang sudah besar.

Begitujuga semasa saya melawat universiti terkemuka di Indonesia, mereka ingin menjadikan universiti itu ikonik dan mengambil dua pokok African Baobab berusia lebih 100 tahun sejauh 120 kilometer daripada Jakarta yang ditanam Belanda untuk ditanam di depan universiti.

Saya tidaklah bercadang hendak buat begitu, tetapi apa yang saya hendak gambaran adalah kesungguhan universiti ini menjadikan kampus mereka sebagai ikonik. Saya tidak bercadang membebankan Kerajaan Negeri, sebab itu kita usahakan supaya pihak swasta menaja pokok ini.

Kalau kita buat secara terancang, pihak swasta akan tertarik untuk menaja 1,000 atau 2,000 pokok. Kita akan jadikan sumbangan mereka itu sebagai sumbangan berterusan, selagi ada pokok yang disumbangkan, selagi itulah nama mereka akan disenaraikan dalam buku kita untuk menghijaukan bumi.

Saya difahamkan sudah ada syarikat yang sedia mendermakan pokok dan sebagainya sudah ditanam. Saya yakin kita dapat jadikan kampus UNISEL sebagai kampus hijau dan menarik untuk didiami pelajar dan memekarkan sebuah universiti.

Kampus ini menjadi suatu



UNISEL bukan sekadar sebuah universiti sahaja tetapi bagaimana dia boleh menjalankan penyelidikan yang boleh membantu Kerajaan Negeri dari segi kajian sosial, ekonomi, politik untuk menambahbaik lagi dasar mensejahteraan rakyat

tempat hijau yang menarik dan tenang untuk menimba ilmu pengetahuan yang akan dikehendaki sepanjang hayat.

Malah di India terdapat sebuah universiti yang di dalamnya hutan. Bila saya masuk ke dalam kampus, saya rasa macam masuk dalam hutan sebab ada kijang melintas, angsa dan sebagainya. Sungguh luar biasa.

Universiti di Jepun juga kita boleh tengok ada kijang berjalan di kawasan kampus tetapi kalau di sini mungkin akan disembelih orang nanti.

Jalankan kaji selidik untuk selangor rancang dasar buat rakyat

Datuk terkenal dengan kaji selidik yang sering dijadikan kayu ukur kebanyakan organisasi politik, media, penganalisis dan masyarakat umumnya. Adakah Datuk akan jalankan lagi kaji selidik di UNISEL ini?

Saya bersara untuk sementara waktu sebab kadang kala ada orang suka dan ada juga orang tidak suka. Sebenarnya kajian ini saya masih buat cuma saya tidak dedahkan kepada umum. Umpamanya kajian berkenaan Kerajaan Selangor saya hanya bentangkan kepada Menteri Besar kerana mereka perlukan kajian itu.

UNISEL bukan sekadar sebuah universiti sahaja, tetapi bagaimana ia boleh menjalankan

penyelidikan yang boleh membantu Kerajaan Negeri daripada segi kajian sosialnya, ekonominya, politiknya harus membantu Kerajaan Negeri untuk menambahbaik lagi dasar mensejahteraan rakyat.

Selangor ada kelebihan mempunyai universiti berbanding Pulau Pinang apabila ketika saya bertemu Ketua Menteri Lim Guan Eng beliau menyebut kekurangan Pulau Pinang ialah mereka tidak mempunyai universiti.

Pulangan yang diberikan UNISEL kepada Kerajaan Negeri adalah bagaimana kewujudan itu dapat membantu dari segi aspek ini.

Sebagai contohnya seperti saya sebutkan tadi, disegi politik bagaimana kajian ini boleh dimanfaatkan tetapi kedudukan saya sebagai Naib Canselor dan Presiden tidaklah semudah semasa saya jadi Pengarah UMCEDEL.

Tentang politik di Malaysia saya tidak akan sentuh kerana keadaan sudah berubah sebab dahulu saya tidak memegang jawatan pentadbiran seperti hari ini.

Keadaan sudah berubah. Bila saya mengeluarkan pandangan, nanti saya dianggap pandangan bersifat kepartian sedangkan saya bersifat bukan kepartian tetapi akademik, saya kena berhenti dengan banyaknya.

Saya tidak akan keluarkan kenyataan berhubung politik di Malaysia kecuali berhubung isu di Timur Tengah kerana bidang saya adalah Timur Tengah seperti perkembangan Islam di

Turki, Iran dan lain-lain.

Tidak ada kaji selidik untuk Pilihan Raya Negeri Sarawak memang tidak tetapi kalau ada kajian politik di Malaysia saya akan bentangkan di luar negera tetapi kajian ini bersifat akademik. Cuma di Malaysia ini ada kekangan.

Walaupun saya seorang Naib Canselor tetapi saya ingin mengekalkan tauliah saya sebagai seorang akademik. Seperi yang saudara maklum buku saya tentang Turki dianugerahkan sebagai pemenang buku terbaik Universiti Malaya tahun 2015.

Kalau tidak ada apa arai pada tahun ini saya akan terbitkan dua buah buku. Seperti yang YB Nik Nazmi katakan bagi-mengekalkan kegiatan akademik, ini harus bermula pada Naib Canselor supaya dapat dicontoh oleh kakitangan saya. Bukan sahaja kerana jenama UNISEL yang ada tetapi kekuatan akademik yang kita ada.

Selain itu, apakah perancangan lain Datuk?

Saya juga diminta melantik segera Profesor adjung. Saya ada disenaraikan beberapa profesor adjung. Profesor adjung ini adalah profesor yang tersohor disegi akademik. Bila kita ada profesor adjung, ini akan mengangkat UNISEL ke imej yang menggambarkan kecermerlangan. Tokoh ikonik yang boleh menjadi model kepada pelajar.

Memang ada rancangan menjadikan bidang berkaitan

politik sebagai kajian akademik dan ini tidak ada di Malaysia. Saya melawat Universiti Changi mereka ada pusat untuk pilihan raya demokrasi apabila pusat ini dihormati walaupun ada pandangan kadang-kadang tidak dipersetujui tetapi tetap dihormati kerana memberi input akademik kepada masyarakat.

Adakah kemungkinan Datuk mewujudkan sebuah jabatan kajian politik seperti mana UMCEDEL yang dikendalikan individu lain di UNISEL ini?

Memang saya ada berhasrat untuk mewujudkan satu jabatan atau program dengan kajian di pusat politik ini dilihat sebagai akademik yang dihormati dan dijadikan pusat rujukan bukan sahaja di Malaysia tetapi di peringkat antarabangsa.

Maksudnya, kalau ada pusat kajian antarabangsa nak kaji politik di Malaysia mereka boleh datang ke UNISEL sebab mereka tak percaya kajian selain dikeluarkan universiti. Itulah sebabnya kajian UMCEDEL dahulu dianggap ada kredibiliti.

Kalau badan atau pusat ini diwujudkan, saya akan jadikan pusat ini bebas, yang secara jelasnya bersifat akademik dan bukannya memihak kepada mana-mana parti politik dan dengan cara begini pusat ini mendapat kredibiliti, diiktiraf dalam negeri dan antarabangsa. Saya akan meminta pandangan Exco dan proses ini merupakan satu proses yang panjang.

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor bersedia menghadapi fenomena El Nino yang dijangka bermula penghujung Januari hingga April tahun ini.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata sebagai permutaan pihaknya sudah memulakan kerja pemberian awam sejak dua hari lalu meskipun kapasiti empangan air Selangor mencukupi.

"Langkah pemberian awam yang kita mulakan untuk melembabkan tanah dan kawasan sedia ada."

"Tahun lepas juga El Nino dijangka berlaku namun ia dipanggil El Nino lemah. Namun kemarau panjang dua tahun lalu

Elak pembakaran terbuka

El Nino tidak jejas sektor pelancongan

yang kita alami merupakan pengalaman pahit dan memberikan pengajaran berguna kepada kita," katanya kepada SelangorKini pada 19 Januari lalu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berkenaan perse-

dian Kerajaan Negeri bagi menghadapi fenomena El Nino.

Katanya, El Nino yang dijangka berlaku tidak akan menjejaskan sektor pelancongan kerana ia hanya cuaca panas namun beliau mengharapkan tiada pembakaran hutan berlaku dalam tempoh berkenaan.

"Jika berlaku pembakaran, ia bukan sahaja menjejaskan sektor pelancongan bahkan membabitkan isu kesihatan."

"Kita harap dapat mengawal aktiviti pembakaran namun ia turut bergantung juga kepada negara jiran," katanya.



RM73 juta komitmen bangunkan ilmu al-Quran

SHAH ALAM - Selangor komited menjadi peneraju bagi melahirkan lebih ramai pentafsir muda Al-Quran berwibawa, klasik dan kontemporari sekaligus menjadikannya pegangan hidup.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata bagi menjayakannya, Kerajaan Negeri membelanjakan RM18 juta untuk membina tiga Maahad Tahfiz, RM52 juta untuk dua Maahad Integrasi Sains dan Teknologi serta RM3 juta lagi menaiktaraf Maahad Tahfiz Darul Qura di Sabak Bernam.

"Al-Quran perlu menjadi teras dalam dasar pentadbiran dan pembangunan dan alhamdulillah Selangor melaksanakannya berdasarkan tuntutan Al-Quran."

"Menyedari hakikat falsafah pembangunan Selangor berlandaskan tuntutan Al-Quran, keadilan dan ehsan, maka Ke-

rajaan Negeri mengambil inisiatif memperkuuh perkembangan ilmu Al-Quran melalui institusi pendidikan seperti pembangunan Maahad Tahfiz," katanya.

Mohamed Azmin berkata demikian ketika merasmikan Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Selangor di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, di sini, pada 12 Januari lalu.

Pada masa sama, katanya, pembangunan itu dilaksanakan ekoran peningkatan permintaan ibu bapa untuk menghantar anak mereka mengikuti pendidikan Islam di negeri itu.

"Trend menghantar anak ke Maahad Tahfiz adalah perkembangan sihat dan menjadi cabaran kepada Kerajaan Negeri menyediakan peluang lebih besar kepada masyarakat mengikuti pendidikan Islam dengan sempurna," katanya.

Kedudukan ketua kampung kekal hingga hujung tahun

SHAH ALAM - Kedudukan ketua kampung di Selangor kekal sehingga hujung tahun ini dan akan dinalai semula selepas tempoh perkhidmatan selesai.

Setiausaha Politik kepada Menteri Besar, Shuhaimi Shafie, berkata ia ekoran Kerajaan Negeri menghormati permintaan PAS mengekalkan jumlah sedia ada.

"Kita ambil maklum permintaan PAS untuk mengekalkan jumlah ketua kampung sedia ada, jadi kita tunggu hujung tahun," katanya kepada pem-

berita di SUK, pada 14 Januari lalu.

Mengulas pengagihan kerusi Ahli Majlis Pihak Berkua Tempatan (PBT), Shuhaimi berkata, jumlah itu sudah dimuktamadkan secara muafakat.

Katanya, KEADILAN mendapat 101 kerusi, DAP (96), PAS kekal 67, AMANAH (10), lima wakil badan bukan kerajaan (NGO) dan sembilan wakil istana.

"Ada 288 kerusi semuanya di 12 PBT dan PAS kekal walaupun pada peringkat awal mereka hendak tambah (kerusi) dan KEADILAN setuju searah sedikit," katanya.

JAWATAN KOSONG ►

PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(Selangor State Development Corporation)

BIL	JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI																					
1.	Pegawai Keselamatan	KP41	Pengurusan & Profesional	Keselamatan & Pertahanan Awam	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gaji</th> <th>Minimum</th> <th>Maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Rm 1,912.00</td> <td>8,647.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kadar Kenaikan</td> <td>225.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Gaji Tahunan</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Eluan ITKA</td> <td>300.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Eluan ITP</td> <td>300.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Eluan COLA</td> <td>300.00</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Gaji	Minimum	Maksimum	Rm 1,912.00	8,647.00		Kadar Kenaikan	225.00		Gaji Tahunan			Eluan ITKA	300.00		Eluan ITP	300.00		Eluan COLA	300.00	
Gaji	Minimum	Maksimum																								
Rm 1,912.00	8,647.00																									
Kadar Kenaikan	225.00																									
Gaji Tahunan																										
Eluan ITKA	300.00																									
Eluan ITP	300.00																									
Eluan COLA	300.00																									
2.	Pembantu Keselamatan	KP17	Pelaksana	Keselamatan & Pertahanan Awam	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gaji</th> <th>Minimum</th> <th>Maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Rm 936.00</td> <td>3,424.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kadar Kenaikan</td> <td>95.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Gaji Tahunan</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Eluan ITKA</td> <td>115.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Eluan ITP</td> <td>300.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Eluan COLA</td> <td>300.00</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Gaji	Minimum	Maksimum	Rm 936.00	3,424.00		Kadar Kenaikan	95.00		Gaji Tahunan			Eluan ITKA	115.00		Eluan ITP	300.00		Eluan COLA	300.00	
Gaji	Minimum	Maksimum																								
Rm 936.00	3,424.00																									
Kadar Kenaikan	95.00																									
Gaji Tahunan																										
Eluan ITKA	115.00																									
Eluan ITP	300.00																									
Eluan COLA	300.00																									
3.	Pengawal Keselamatan	KP11	Pelaksana	Keselamatan & Pertahanan Awam	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gaji</th> <th>Minimum</th> <th>Maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Rm 837.00</td> <td>2,619.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kadar Kenaikan</td> <td>80.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Gaji Tahunan</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Eluan ITKA</td> <td>95.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Eluan ITP</td> <td>300.00</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Eluan COLA</td> <td>300.00</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Gaji	Minimum	Maksimum	Rm 837.00	2,619.00		Kadar Kenaikan	80.00		Gaji Tahunan			Eluan ITKA	95.00		Eluan ITP	300.00		Eluan COLA	300.00	
Gaji	Minimum	Maksimum																								
Rm 837.00	2,619.00																									
Kadar Kenaikan	80.00																									
Gaji Tahunan																										
Eluan ITKA	95.00																									
Eluan ITP	300.00																									
Eluan COLA	300.00																									

TEMUDUGA TERBUKA

Mempelawa calon-calon yang memenuhi syarat kelayakan untuk menghadiri TEMUDUGA TERBUKA pada :

30 JANUARI 2016 (Sabtu) 18.30 pagi – 5.00 petang
Dewan Kemajuan Tingkat 4, Kompleks PKNS Shah Alam.

2. SYARAT LANTIKAN - PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41

- i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii) Ijazah Sarjana Muda yang diklirifik oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diklirifik setaraf dengannya (Gaji Permulaan: RM1,912.00); atau
- iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diklirifik oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diklirifik setaraf dengannya (Gaji Permulaan: RM2,116.00); atau
- iv) Bekas Penolong Penguasa PDRM atau Kapten ATM atau setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik (Gaji Permulaan: RM1,912.00);
- v) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan panceinaidera seperti berikut:
 - a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - c) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - d) lulus dalam ujian pengilhan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - e) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vi) Iulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Iulus Ujian Lisani) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diklirifik setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT LANTIKAN - PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP17

- i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diklirifik setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau (Gaji Permulaan: RM936.00)
- iii) Bekas Anggota Polis atau Tentera yang berpangkat Sarjan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan (Gaji Permulaan: RM927.03); atau
- iv) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan panceinaidera seperti berikut:
 - a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - c) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - d) lulus dalam ujian pengilhan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - e) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vi) Iulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Iulus Ujian Lisani) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diklirifik setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SYARAT LANTIKAN - PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11

- i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diklirifik setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji Permulaan: RM837.00); atau
- iii) Bekas Anggota Polis atau Tentera yang berpangkat Sarjan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan (Gaji Permulaan: RM837.00); atau
- iv) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan panceinaidera seperti berikut:
 - a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - c) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - d) lulus dalam ujian pengilhan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - e) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vi) Iulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Iulus Ujian Lisani) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diklirifik setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. CARA MEMOHON

- ii) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang dimuat turun melalui laman web <http://www.pkns.gov.my>.
- iii) Tarikh tutup permohonan pada **30 Januari 2016**.
- iv) Bawa bersama Borang Permohonan Jawatan, RESUME, Sijil-sijil akademik (asal & salinan) dan gambar berukuran passport pada hari temu dewu.
- v) Sila hadir dengan berpakaian sukan yang lengkap.

Tak bebas mengkritik dalam karya

Afdlin Shauki: Hanya boleh berkias

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Golongan pengkarya seni negara ini hanya mampu berkias dalam karya seni masing-masing bagi menyampaikan sesuatu mesej berikutnya pelbagai sekitan dikenakan pihak berkuasa.

Pengaruh dan pelakon terkenal, Afdlin Shauki, berkata berbanding negara lain, pengkarya lebih bebas melontarkan kritikan terbuka sama ada isu politik mahupun isu penting lain yang membabitkan kehidupan sehari-hari masyarakatnya.

"Kita tidak 100 peratus bebas sebab masih ada lagi sekitan daripada pihak berkuasa. Kita masih tidak boleh menceritakan masalah dalam negara ini. Kita tidak boleh."



Ketika menyentuh filem arahannya yang kerap menampilkan kelainan dengan menyentuh kehidupan rakyat pelbagai kaum di negara ini, Afdlin berkata, ia adalah sebahagian usaha beliau menyedarkan masyarakat bahawa negara ini adalah milik bersama.

"Mengubah sesuatu masyarakat tidak mudah kerana kita memang perlu

"Setakat ini apa yang karawan mampu buat hanya berkias dalam drama kehidupan tetapi drama itu boleh melambangkan sosio politik negara dan juga boleh melambangkan sesuatu keadaan yang sedang dilalui masyarakat," kata Afdlin kepada SelangorKini.

banyak percubaan untuk mereka buka minda, seorang buat tak cukup, memang gagal tetapi kalau semua orang buat, akhirnya perkara itu akan diterima juga.

"Kita boleh mengubah minda dengan menunjukkan alangkah bahagianya jika semua bangsa boleh duduk dalam harmoni, saling menghormati sebagai mana yang diinginkan datuk nenek kita," katanya.

Sementara itu ketika berakap berkenaan perancangan kariernya tahun ini, Afdlin berkata beliau bakal kembali mengarah selepas 'bercuti' selama dua tahun.

"Tahun ini saya kembali aktif mengarah filem selepas bercuti dua tahun. Filem itu ada unsur komedi dan ada juga unsur Islamik tetapi saya lebih suka katakan komedi berunsur kemaruan dan selain itu saya juga buka restoran di Johor bernama Comedy Planet serta mengembangkan perniagaan lain," katanya.



Hotel Carlton Holiday tawar harga menu istimewa

SHAH ALAM - Hotel Carlton Holiday & Suites mengekalkan makanan harga mampu milik sejarah dengan ekonomi dan kos kehidupan pada masa kini.

Pengerusinya, Dr Zubir Harun, berkata Hotel Carlton menawarkan pakej menu baru iaitu Kari Kepala Ikan berdasarkan permintaan tinggi daripada masyarakat setempat.

"Walaupun kemelesetan berlaku pada 2016, pihak hotel menetapkan harga makanan yang mampu dibeli orang ramai.

"Pihak hotel juga akan sentiasa cuba mengekalkan mutu dan kualiti makanan yang ditar-

warkan," katanya sewaktu Majlis Perasmian Pembukaan Restoran Kari Kepala Ikan Carlton, di sini, pada 18 Januari lalu.

Selain itu, katanya, Hotel Carlton bercadang menjadikan ia sebagai menu utama dengan pelbagai pakej menarik ditawarkan.

"Untuk masa akan datang, kita akan menyediakan masakan ikan patin seperti tempoyak patin yang khas diimport dari Maran, Pahang.

"Menjelang Ramadan, kita juga berharap menyediakan makan tradisi kampung yang akan menarik lagi pengunjung ke Hotel Carlton," katanya.

'World Muslim Fashion City' dilengkapi kemudahan, insentif

SHAH ALAM - Orang ramai dan pengusaha perniagaan fesyen Islam di Shah Alam bakal menikmati kemudahan prasarana bagi merancakkan lagi aktiviti perniagaan di situ.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri turut bersedia menyediakan insentif lain yang akan diputuskan kelak.


"Memang hasrat Kerajaan Negeri untuk melihat Shah Alam sebagai 'World Muslim Fashion City' dengan pelbagai kemudahan, prasarana dan insentif.

"Saya gembira hasrat itu mendapat sambutan baik dan

percaya industri fesyen akan terus berkembang dalam memastikan rakyat beragama Islam mengenakan pakaian sopan selaras dengan tuntutan agama," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Menghafaz Al-Quran peringkat Selangor di Dewan Jubli Perak, di sini, pada 12 Januari lalu.

Pada 30 Oktober lalu, Mohamed Azmin ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2016 mengumumkan rancangan membangunkan Shah Alam sebagai 'World Muslim Fashion City'.



PERTUBUHAN JURUUKUR DIRAJA MALAYSIA ROYAL INSTITUTION OF SURVEYORS MALAYSIA

Surveyors-Public Engagement Session (SPES)

Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia atau Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) bertujuan menawarkan khidmat nasihat secara percuma kepada orang awam yang mungkin memerlukan khidmat nasihat mengenai pelbagai bidang juruukur seperti, Geomatic & Ukur Tanah, Ukur Bahan, Pengurusan Hartanah, Penilaian & Agensi Hartanah serta Ukur Bangunan.

SPES akan diadakan seperti berikut:

Tarikh	: 23 Januari 2016 (Sabtu)
Masa	: 10.00 pagi - 12.00 tengahari
Tempat	: Tingkat Bawah (LG), Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia No. 64 & 66, Jalan 52/4, 46200 Petaling Jaya, Selangor

Jadual Program:

MASA	KANDUNGAN PROGRAM
9.45 pagi - 10.00 pagi	Pendaftaran
10.00 pagi - 10.15 pagi	Minuman ringan
10.15 pagi - 10.20 pagi	Pelancaran SPES oleh Presiden RISM
10.20 pagi - 10.40 pagi	Ceramah daripada ahli RISM dalam pelbagai bidang juruukur
10.40 pagi - 12.00 tengahari	Sesi Juruukur bertemu awam

Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia akan menganjurkan sesi perjumpaan antara ahli-ahli Pertubuhan dengan orang awam yang mungkin memerlukan khidmat nasihat kami. Orang awam dipelawa melawat kami mengikut jadual tertera atau menghubungi RISM untuk temujanji.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Urusetia:

Puan Siti Noor Hanie Salleh

Tel: 603 - 7954 8358 / 7955 1773 / 7956 9728

Emel: secretariat@rism.org.my

Pengecualian fi lesen MPK

Tidak termasuk bayaran tapak

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Terdapat segelintir peniaga terkeliru dengan langkah pengecualian fi lesen kepada peniaga pasar malam dan pasar pagi mulai 1 Januari 2016 yang dilaksanakan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohd Yasid Bidin, berkata terdapat sesetengah peniaga yang

menyangka pengecualian fi lesen yang diumumkan itu turut melibatkan bayaran petak niaga berjumlah RM4 sehari.

"Mulai 1 Januari sehingga 31 Disember 2016, MPK tidak mengecualikan sebarang fi lesen kepada peniaga pasar malam dan pasar pagi.

"Bagaimanapun bagi pemegang lesen sedia ada bayaran RM4 sepetak/sehari dikenakan sebelum ini kekal dan bayaran



Mohd Yasid Bidin

itu sebagai bayaran pentadbiran dan pembersihan ke atas petak digunakan di tapak pasar malam dan pasar pagi tersebut," kata Yasid dalam kenyataan medyanya.

Jelasnya, kekeliruan ini berlaku ekoran lesen dikeluarkan MPK pada tahun sebelum ini tidak dinyatakan maklumat pembayarannya di bahagian cetakan lesen.

Katanya, bagi mengatas-

perka itu MPK mengambil langkah proaktif dengan maklumat itu dicetak untuk rujukan peniaga.

"Semua peniaga dikehendaki membayar mengikut penggal seperti ditetapkan dan untuk peniaga baru yang ingin memohon tapak pasar malam dan pasar pagi, mereka perlu menggunakan borang Pasar Malam dan Pasar Paggi yang disediakan di lobi MPK," katanya beliau.

Kompleks Sukan Pandamaran berwajah baru



KLANG - Kompleks Sukan Pandamaran dinaiktaraf dan dijangka siap Mei depan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yasid Bidin, berkata projek menaik taraf kompleks sukan seluas 27 ekar itu merupakan inisiatif ke arah memenuhi kehendak pelanggan taman awam.

Katanya, ia bagi pengunjung menikmati pengalaman beriadah dan bersukan yang lebih selesa khususnya kepada warga Klang.

MPK stadium "kerja menaiktaraf kompleks sukan ini melalui perancangan pelan induk yang seimbang daripada aspek kawalan lalu lintas, pembahagian ruang aktiviti untuk pelbagai golongan.

"Ia juga bagi penyediaan kemudahan asas yang mencukupi di samping mewujudkan hutan bandar dan kehijauan landskap yang menarik," katanya dalam kenyataan.

Yasid berkata kerja menaiktaraf kawasan dilaksanakan melalui tender secara terbuka dan perlaksanaannya bermula pada 16 Disember 2015 dan dijadualkan siap sepenuhnya pada 29 Mei 2016.

"Antara kemudahan yang dinaiktaraf dan dibina ialah tempat meletak kendaraan yang lebih banyak dan tersusun.

"Selain itu, infrastruktur mesra peng-

guna untuk semua golongan termasuk Orang Kelainan Upaya (OKU) serta kapasi set bersepada alat permainan kanak-kanak yang lebih besar," katanya.

Beliau berkata projek itu juga membabitkan pembinaan surau, tandas awam dan pejabat kawalan yang lebih selesa.

"Pada masa yang sama menyediakan aspek pencahayaan maksimum termasuk di kawasan padang bola dan dataran serbaguna dengan keluasan dianggarkan sebanyak 3,740 meter persegi," katanya.

Antara kemudahan lain ialah pengunjung bakal menikmati kemudahan WiFi percuma dan kerja pelebaran laluan pejalan kaki dan trek jogging sedia ada akan dijalankan serta penambahan bangku taman, tong sampah, meja 'picnic' dan papan tanda untuk kemudahan warga setempat beriadah apabila siap kelak.

Sehubungan itu, katanya, pengunjung juga dinasihatkan berhati-hati apabila mengunjungi kawasan sekitar ketika kerja dijalankan atau tidak melalui lokasi terlibat bagi mengelak kejadian tidak diingini terutama bagi mereka yang membawa anak-anak kecil bersiar-siar di situ pada waktu petang.

Kebajikan pekerja keutamaan

SHAH ALAM - Kebajikan pekerja menjadi keutamaan Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi mewujudkan suasana kerja cekap dan berdaya maju serta mesra pelanggan.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin, berkata hubungan erat antara kakitangan dan pegawai menyumbang kepada kejayaan organisasi.

Katanya, setiap kakitangan mempunyai peranan tersendiri dan jika dilaksanakan bersungguh-sungguh ia mendatangkan kejayaan seterusnya memberi kepuasan kepada warga setempat.

"Matlamat saya ingin melihat Klang menjadi lokasi sentiasa diingati hasil kesungguhan kita memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

"Seterusnya mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa untuk didiami.

Hadir sama pada majlis itu adalah Orang Besar Daerah Klang, Datuk Abdul Ghani Pateh Akhir, Setiausaha MPK, Adi Faizal Ahmad Tarmizi, ketua jabatan, pegawai dan kakitangan terlibat.

Matlamat saya ingin melihat Klang menjadi lokasi sentiasa diingati hasil kesungguhan kita memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Seterusnya mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa untuk didiami

MOHAMAD YASID BIDIN

Yang Dipertua MPK

Sementara itu, Setiausaha MPK yang baru dilantik, Adi Faizal mengajak semua warga MPK memupuk budaya kerja cemerlang dengan menerapkan nilai positif terutama kejujuran melaksanakan tanggungjawab.

Maglis menandatangani ikrar integriti oleh ketua jabatan turut diadakan sambil disaksikan Mohamad Yasid dan wakil Unit Integriti Setiausaha Kerajaan Negeri serta bacaan ikrar diketuai Adi Faizal.

Baik pulih Stadium Shah Alam siap April

SHAH ALAM - Stadium Shah Alam yang ditutup sementara dijangka akan beroperasi semula pada April ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata stadium itu ditutup mulai Januari ini bagi melaksanakan kerja pengantian rumput.

Katanya, kerja pengantian rumput di

stadium terbabit dijangka siap akhir bulan Mac.

"Bagaimanapun, ia dijangka akan dibuka semula pada April 2016," katanya kepada SelangorKini.

Stadium Shah Alam mempunyai kapasiti penonton sebanyak 69,372.

Sekiranya perlu, terdapat ruang untuk 11,000 orang lagi untuk berdiri menjadikan kapasitinya 80,372.

Stadium terbabit terletak di bahagian timur Shah Alam. Dengan enam tingkat, ia merupakan stadium terbesar di Selangor.

Struktur rangkannya merupakan gerbang berdiri bebas terpanjang di dunia. Ia menjadi salah satu tanda tempat utama di Shah Alam disebabkan saiz dan seni binanya yang mengagumkan.

Dibina dengan teknologi terbaru, stadium ini popular dalam penganjuran acara sukan bertaraf dunia.



Pencapaian Ujian Penilaian Kelas KAFA 2015

Selangor paling ramai dapat 8A

SHAH ALAM - Selangor merekodkan pencapaian calon paling ramai mendapat 8A iaitu 5,152 calon dalam Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK).

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha, berkata ia diikuti Kelantan dan Terengganu dengan masing-masing seramai 4,559 dan 4,148 calon.

Katanya, seramai 37,271 atau 20.07 peratus calon yang menduduki UPKK di seluruh negara pada tahun lepas mencatat keputusan 8A.

"Kejayaan itu menunjukkan peningkatan 4.78 peratus berbanding 15.29 peratus yang dicatatkan tahun sebelumnya."

"Keputusan UPKK 2015 juga menyaksikan semua negeri mencegalkan pencapaian 100 peratus lulus tanpa D, sama seperti tahun sebelumnya," katanya dipetik BERNAMA.

Othman berkata pencapaian



keseluruhan Gred Purata Nasional (GPN) adalah 1.70 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 1.76, menyaksikan Selangor muncul negeri terbaik dengan GPN 1.484 mata, diikuti Wilayah Persekutuan dan Melaka dengan GPN 1.488 dan 1.533 mata.

Seramai 185,675 calon menduduki peperiksaan UPKK melibatkan lapan mata pelajaran iaitu Amali Solat; Penghayatan Cara Hidup Islam; Bidang Al-Quran; Ulum Syariah (Akidah dan Ibadah); Pelajaran Jawi; Sirah; Adab (Akhlak Islamiah) dan Bahasa Arab.

Keputusan SMA dan SMATQ cemerlang

SUBANG JAYA - Keputusan peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Menengah Agama Tahfiz Al Quran (SMATQ) di Selangor tahun lalu dianggap cemerlang berikut pertambahan calon mendudukinya.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim, berkata biarpun mencatatkan penurunan 0.08 peratus tetapi secara keseluruhan adalah baik berikutan jumlah calon meningkat.

"Saya rasa kejatuhan ini dari segi angka sahaja tetapi jumlah tinggi kerana pelajar mendudukinya semakin ramai."

"Keseluruhan analisanya keputusan amat baik dan cemer-

lang," katanya kepada media.

Haris berkata demikian selepas majlis pengisytiharan keputusan peperiksaan SMA dan SMATQ di sini, pada 14 Januari lalu.

Seramai 3,585 pelajar menduduki peperiksaan SMA tahun lalu berbanding 3,314 pada 2014 dengan peningkatan 271 calon di mana keputusan dicatat adalah 94.4 peratus iaitu turun 0.8 peratus berbanding 95.2 peratus pada 2014.

Manakala 107 calon menduduki SMATQ tahun lalu dengan catatan lulus 100 peratus.

Beliau berkata, jumlah pelajar bertambah adalah petanda baik terhadap sistem pendidikan

agama di Selangor.

"Permohonan ke sekolah menengah agama ini bergantung kepada kekosongan kerana kita mempunyai 23 sekolah menengah agama dan empat madrasah tahfiz.

"Setakat ini semua sekolah ini hanya mampu menempatkan lebih kurang 4,000 pelajar sedangkan yang memohon lebih daripada itu," katanya.

Permintaan tinggi itu, katanya, adalah cabaran bagi JAIS dalam menyediakan pendidikan aliran agama di Selangor.

"Ia juga kesedaran di kalangan ibu bapa terhadap pendidikan agama untuk anak mereka," katanya.

Pelajar terbaik kongsi rahsia kejayaan

SUBANG JAYA - Muncul pelajar perempuan terbaik peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) di Selangor dianggap sebagai kejutan namun berbangga kerana berjaya memenuhi impian dengan catat cemerlang.

Pelajar Sekolah Agama Menengah (SAM) Nurul Iman, Bukit Cherakah, Petaling, Aina Syazzeline Rosaini, 16, berkata meskipun dirinya antara pelajar terbaik di sekolahnya tetapi beliau tidak meletakkan harapan terlalu tinggi untuk itu.

"Harapan untuk mencapai Mumtaz memang ada tetapi muncul pelajar terbaik di Selangor tidak pernah terlintas."

"Terkejut kerana dapat banggakan dan naikkan nama sekolah, guru dan ibu bapa," katanya kepada media selepas majlis pengisytiharan peperiksaan SMA dan Sekolah Menengah Agama Tahfiz Al Quran (SMATQ) di sini, pada 14 Januari lalu.

Anak pemandu lori itu mencatat keputusan SMA dengan 98.8 peratus, manakala pelajar wanita terbaik SMATQ adalah Nurul Nadia Salleh dari sekolah sama (98.5 peratus).

Beliau sentiasa mengingatkan dirinya melakukan perkara baik dan menghindari apa yang mungkin mengganggu tumpuan dalam pembelajaran.

"Saya minat belajar dan selalu memberi tumpuan mengulang kaji pelajaran di sekolah serta berterima kasih kepada ibu bapa juga guru atas semangat diberi-

kan selain bersyukur kepada Allah," katanya.

Sementara pelajar lelaki terbaik SMA, Mohamad Ariff Fitri Jukebeli, 16, dari SAM Bestari USJ Subang Jaya, Petaling, berkata, beliau bersyukur kerana berjaya mengulangi kejayaan dicipta sekolahnya hampir setiap tahun.

"Alhamdulillah berjaya dan bersyukur kepada Allah dengan saya ditakdirkan muncul pelajar lelaki cemerlang dari sekolah ini.

"Syukur kepada semua iaitu guru, ibu bapa dan rakan-rakan yang mendoakan saya kerana tanpa do mereka mungkin kita tidak mencapai kejayaan ini," katanya.

Ariff Fitri berkata, keputusan cemerlang dicapai adalah berkat usaha gigih tanpa jemu dan pembakar semangat untuk kejayaan lebih baik pada masa hadapan.

Pelajar lelaki terbaik SMATQ pula diraih Luqman Al Hakim Abd Jabar dari Maahad Integrasi Tahfiz Selangor Kuala Langat dengan keputusan 98.8 peratus, manakala pelajar wanita terbaik SMATQ adalah Nurul Nadia Salleh dari sekolah sama (98.5 peratus).

Seramai 3,585 calon menduduki peperiksaan SMA di Selangor tahun lalu berbanding 3,314 calon pada 2014 dengan peningkatan 271 calon di mana keputusan dicatat adalah 94.4 peratus iaitu turun 0.8 peratus berbanding 95.2 peratus pada 2014.

Manakala 107 calon menduduki SMATQ tahun lalu dengan catatan lulus 100 peratus.



JAIS : Permohonan kemasukan pelajar ke MITS cecah 2,050

SHAH ALAM - Permohonan kemasukan ke Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) bagi sesi 2016 meningkat ekoran ramai ibu bapa menyedari kepentingan pendidikan Islam untuk anak mereka.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim, berkata pihaknya menerima 2,050 permohonan, namun hanya 800 pelajar ditemuduga dan 230 sahaja mendapat taruhan.

Katanya, peningkatan itu turut didorong kesedaran pelajar yang mula memberi perhatian kepada bidang agama, tanpa mengabalkan akademik lain.

"Sehingga kini, Selangor sudah mendirikan empat buah MITS iaitu di daerah Kuala Langat, Klang, Sabak Bernam dan Sepang."

"Daripada 230 orang ditawarkan, 196 pelajar sudah mendaftar bagi mengikuti pengajian sesi 2016 dan kekosongan yang ada

kini 34 sahaja iaitu kouta pelajar lelaki.

"Sehingga kini, empat MITS menempatkan keseluruhan pelajar mencecah 773 orang dan saya percaya ia akan terus bertambah dari tahun ke tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Manghafaz Al-Quran Peringkat Selangor di Dewan Jubli Perak, di sini, 12 Januari lalu.

Majlis Menghafaz Al-Quran

Peringkat Selangor yang berlangsung 12 hingga 15 Januari itu disertai 42 peserta terdiri daripada 25 Hafiz dan 17 Hafizah.

Peserta yang menyertai pertandingan itu adalah mereka yang berjaya melepas saringan peringkat daerah masing-masing.

Pada masa sama, Haris berkata, peningkatan itu selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk memperkuatkan kualiti pendidikan dan latihan Islam bagi mel-

kirkan lebih ramai modal insan.

Katanya, Bahagian Pendidikan Islam JAIS baru-baru ini turut mengadakan Majlis Graduasi Qurra MITS bagi meraikan pelajar Hafiz yang berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk Al-Quran.

"Seramai 122 pelajar menerima sijil khatam Al-Quran dan Sijil Perakuan Hafazan Al-Quran yang disampaikan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi," katanya.

Empat KAFA DUN Gombak dibantu

GOMBAK - Sebanyak empat buah sekolah menerima sumbangan dan dana Kebajikan Kelas Fardhu Ain dan Al-Wuran (KAFA) bernilai antara RM5,000 hingga RM15,000.

Adun Gombak Setia, Hasbulah Ridzuan, berkata bantuan itu diajihkan setiap tahun kepada sekolah bergantung kepada permohonan keperluan naik taraf.

"Kerajaan Negeri berharap peruntukan ini digunakan untuk meningkatkan kemudahan dan infrastruktur sekolah," katanya.

Sumbangan cek itu disampaikan sewaktu Majlis Penyampaian Agihan Bantuan Sekolah Kerajaan Selangor 2015, fasa dua bagi DUN Gombak.

Antara sekolah terlibat dalam



Hasbulah Ridzuan

penerimaan bantuan berkenaan adalah Sekolah KAFA Al-Iman, KAFA Al-Kahfi, KAFA Ibtidaiyyah dan KAFA Ar-Rahimah.

Lapor polis jika halang anak bersekolah

SUNGAI BULOH - Laporan polis perlu dibuat sekiranya ada ibu bapa yang berkemampuan menghalang anak mereka untuk bersekolah.

Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman, berkata setiap kanak-kanak berhak bersekolah sekaligus mempunyai peluang lebih baik untuk memperolehi kehidupan di masa hadapan.

"Sekiranya ada ibu bapa mempunyai masalah seperti kurang berkemampuan kita bantu mereka kerana bagi kita apa yang penting anak-anak mesti bersekolah untuk kehidupan lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian

pada Program Kembali ke Sekolah Ahli Tawas 2009 bagi DUN Paya Jaras, di Bandar Baru Sungai Buloh di sini pada 17 Januari lalu.

Beliau berkata, sebelum ini pihaknya beberapa kali membantu menyelesaikan isu kegagalan mendaftarkan anak ke sekolah akibat pelbagai masalah terutama membabitkan isu ketiadaan surat beranak.

"Selangor ini negeri maju tetapi malangnya masih ada yang bila anak lahir, tidak tahu bagaimana mendaftarkan surat beranak.

"Ini memberi masalah kepada anak itu untuk mendaftar sekolah dan juga mencari pekerjaan nanti," katanya.



Idea pusat kajian bebas UNISEL

Kerajaan Negeri terbuka

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri terbuka dengan sebarang kajian akademik yang tidak memihak kepada mana-mana pihak termasuk Kerajaan Selangor sendiri.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata kajian akademik yang boleh membantu Kerajaan Negeri dialu-alukan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya membela rakyat.

"Kita bersifat terbuka dan mengalu-alukan kepakaran yang ada untuk membantu Kerajaan Negeri dalam melakar dasar untuk Selangor," katanya kepada SelangorKini pada 11 Januari lalu.



Kita bersifat terbuka dan mengalu-alukan kepakaran yang ada untuk membantu Kerajaan Negeri dalam melakar dasar untuk Selangor

NIK NAZMI
Exco Pendidikan

memuktu, UNISEL akan menjalankan kaji selidik bagi membantu Kerajaan Negeri membentuk dasar rakyat.

Elak viral isu perkauman pelajar berkelahi

SHAH ALAM - Polis Kontinjen Selangor mengesahkan viral pergambaran antara pelajar India dan Pengawal Keselamatan di Politeknik Shah Alam, yang pada mulanya tersebut melalui aplikasi WhatsApp dan di laman sosial Facebook adalah sahih.

Ketua Polis Daerah Shah Alam ACP Shafien Mamat, berkata, sebanyak tiga laporan polis berhubung kejadian itu sejak 12 Januari lalu.

"Hasil siasatan mendapati kejadian berpunca daripada salah faham yang bermula teguran pengawal keselamatan terhadap pelajar India tersebut, lalu mencetus pertengkaran kecil.

"Namun ia tidak melibatkan insiden pergaduhan fizikal, tetapi hanya pergaduhan verbal atau pergaduhan mulut," kata-nya dalam satu kenyataan.

Shafien berkata polis mempertingkatkan pantauan dan rondaan MPV dan URB sebagai langkah pencegahan bagi memperketatkan keselamatan serta meningkatkan rasa selamat di kawasan itu.

Beliau turut menasihati masyarakat tidak menyebarkan sebarang viral yang mampu mencetuskan perselisihan fa-ham berbaur isu perkauman dan mengugat kemakmuran serta kesejahteraan negara.

Hasil siasatan mendapati kejadian berpunca daripada salah faham yang bermula teguran pengawal keselamatan terhadap pelajar India tersebut, lalu mencetus pertengkaran kecil

ACP SHAFIEN MAMAT

Ketua Polis Daerah Shah Alam

Dua SJKC terima sumbangan

SUBANG JAYA - Dua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) DUN Subang Jaya menerima bantuan persekolahan fasa kedua 2015.

SJKC Chee Wen yang diwakili Pengetua, Song Lian Gek menerima bantuan RM23,515 manakala SJKC Lick Heng diwakili Pengurus PIBG, Lim Kok Sang menerima RM20,000.

Penyerahan cek sumbangan disempurnakan Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh di pejabatnya pada 13 Januari lalu.

Katanya, sehingga kini terdapat tiga buah sekolah SJKC di Subang Jaya termasuk SJKC Tun Cheng Lock.

"SJKC Chee Wen sebelum ini sudah menerima sumbangan RM50,000 sementara SJKC Lick Heng tidak menerima sumbangan."

"SJKC Tan Cheng Lock menerima sumbangan RM10,000 menerusi peruntukan Adun," katanya dalam sidang media.

Bagi Lian Gek, SJKC Chee Wen akan menggunakan peruntukan itu untuk menggantikan perabot yang rosak selain memasang langsyur untuk mewujudkan pembelajaran selesa.

Tindakan sama juga akan diambil SJKC Lick Heng selain memberikan fokus untuk memohon bantuan penyelesaian banjir bagi 2016.

Tak percaya Selangor 'taja' cermin mata

SUNGAI BULOH - "Macam tak percaya ada kerajaan belanja beli cermin mata untuk rakyatnya."

Ibu luhan rakan dan saudara-mara Azman di Johor ketika beliau memberitahu cermin mata baharu yang dipakainya 'dibelanjah' Kerajaan Selangor.

"Apabila saya beritahu cermin mata baharu ini ditaja Kerajaan Negeri, mereka terkejut dan tidak percaya memandangkan Johor tiada bantuan sebegitu."

"Saya bangga ekoran Selangor ada Kerajaan Negeri prihatin dan bersungguh-sungguh membantu rakyatnya terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, Azman berkata, bantuan itu meringankan beban ekoran kerjayanya sebagai pengajar komputer bebas tidak memiliki pendapatan tetap.

Sementara itu, Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman, berkata permohonan membeli cermin mata paling lama hanya memakan masa seminggu untuk diselesaikan.

"Datang terus ke Pejabat DUN Paya Jaras dan prosesnya tidak rumit, Insya Allah Kerajaan Negeri belanja cermin mata baharu untuk sesiapa yang memerlukan," katanya.

Skim untuk rakyat

Hanya Selangor ada Jom Shopping TAWAS



OLEH NAZLI IBRAHIM

SUNGAI BULOH - Selangor muncul satu-satunya Kerajaan Negeri menganjurkan program Jom Shopping menerusi pelbagai skim untuk rakyatnya.

Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman, berkata antara program Jom Shopping diajukan adalah Jom Shopping Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Jom Shopping Perayaan dan Jom Shopping Kembali Ke Sekolah

untuk peserta Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS).

"Program ini tanda sokongan Kerajaan Negeri kepada rakyat tidak mengira politik atau pengundi kerana ia adalah tanggungjawab kita."

"Ia juga julung kali diadakan sebagai bantuan dan galakan kepada anak-anak untuk bersekolah," katanya pada program Kembali ke Sekolah Ahli TAWAS 2009 peringkat DUN Paya Jaras di parkir Econsave pada 16 Januari lalu.

Katanya, seramai 400 peserta dari seluruh DUN itu menerima baucar bernilai RM400 untuk membeli peralatan sekolah.

Pada masa sama, Mohd Khairuddin berkata, Paya Jaras mencatatkan peserta paling ramai bagi skim bantuan HIRAH khusus untuk golongan peniaga.

"Sesiapa yang minat berniaga tetapi memerlukan bantuan, sila datang ke Pejabat Pusat Khidmat DUN Paya Jaras, kita boleh bantu mereka," katanya.



PWB tumpu pembaharuan program pembungkusan

PETALING JAYA - Pusat Wanita Berdaya (PWB) giat menjalankan program pembaharuan pembungkusan untuk memudahkan produk PWB dipasarkan dengan lebih meluas.


Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata inisiatif itu bertujuan mewujudkan potensi lebih baik ke-

Dengan adanya pembungkusan lebih baik, potensi untuk dipasarkan seperti di pasaraya atau tempat lain adalah lebih meluas.

pada peserta.

"Dengan adanya pembungkusan lebih baik, potensi untuk dipasarkan seperti di pasaraya atau tempat lain adalah lebih meluas.

"Ini membolehkan peserta menjual produk mereka bagi menjana pendapatan," katanya kepada SelangorKini pada 17 Januari lalu.



Sebelum ini, Daroyah berkata, PWB terus menerima sambutan menggalakkan daripada masyarakat baik di kawasan bandar maupun luar bandar.

Katanya, kejayaan itu sekaligus membuktikan objektif penubuhan PWB adalah positif dan menepati sasaran serta agenda Kerajaan Negeri membantu dan memperkasa golongan wanita di negeri itu.

PKNS FC uji pemain import keempat

Tambah sengat hadapi cabaran 2016

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - PKNS FC kini men-guji beberapa pemain import untuk diserapkan dalam skuad *The Red Ants* bagi menghadapi saingan mencabar Liga Perdana musim ini.

Bagaimanapun, pengurus pasukan, Mahfizul Rusydi Abdul Rashid, berkata jurulatih bakal menjalankan ujian terperinci bagi mengenal pasti pemain layak bagi memenuhi kuota keempat dan kehendak pasukan.

"Terdapat lebih kurang tujuh pemain import antaranya dari Indonesia, Uzbekistan dan Amerika Selatan sedang menjalani sesi ujian ketika ini dan kita akan meneliti kelayakan mereka.

"Pemilihan akan dibuat juruiatin bagi memenuhi kehendak pasukan dan tumpuan tentunya di bahagian serangan selepas penghijrahan Ronaldinho," katanya kepada SelangorKini pada 16 Januari lalu.

Slot keempat tenaga import PKNS FC kosong berikutan Patrick Ronaldinho Wleh, pemain berasal Liberia berhijrah ke Selangor musim ini.

Selain mengekalkan dua tonggak



import sedia ada dari Argentina, Gonzalo Soto dan Gabriel Guerra, PKNS FC baru sahaja menandatangani pemain Uzbekistan, Kamoliddin Tajiev, 32, dari kelab Pakhtakor Tashkent.

Mahfizul berkata, PKNS FC tidak akan terburu-buru membuat pilihan untuk memenuhi kuota itu dan usaha membina skuad mantap turut ditekankan dengan pemilihan pemain berkualiti dalam kalangan pemain tempatan.

"Latihan berterusan kini dan beberapa siri perlawanan persahabatan dihadapi memberi gambaran kepada jurulatih dalam usaha membentuk skuad PKNS berwibawa," kata nya.

Musim ini, PKNS FC upun kehilangan beberapa pemain tetapi diperkuatkan dengan kehadiran tenaga baharu tempatan antaranya Mohd Remeze Che Ros dan Mohd Farid Ramli (Pulau Pinang), Khairul Ramadhan Zauwawi (Terengganu), Ahmad Shakir Mohd Ali (Kedah).

Turut serta Yusaini Hafiz Chee Saad dan S Thinagaran (ATM FC), Shahurain Abu Samah (PDRM FC) dan Mohd Zaiza Zainal Abidin (Pahang).

Manakala perlawanan kedua perlawan-

an pra-musim dijadualkan pasukan bola sepak dalam Liga Malaysia (Liga M) membuktikan nilai komersial dimiliki liga berkenaan.

Terbaru, PKNS FC dikatakan bakal ditaja Megah Perawan Sdn Bhd (Megah Perawan) membabitkan jumlah

"Kita menyambut baik minat ditun-

Tawaran tajaan Megah Perawan disambut baik

SHAH ALAM - Minat ditunjukkan syarikat produk kosmetik menjajakan pasukan bola sepak dalam Liga Malaysia (Liga M) membuktikan nilai komersial dimiliki liga berkenaan.

Terbaru, PKNS FC dikatakan bakal ditaja Megah Perawan Sdn Bhd (Megah Perawan) membabitkan jumlah

lah besar hingga mencecah jutaan ringgit.

Pengurusnya, Mahfizul Rusydi Abdul Rashid, berkata bagaimanapun perbincangan lanjut akan dijalankan antara kedua-dua pihak dalam masa terdekat.

"Kita menyambut baik minat ditun-



Naqib ungguli kejohanan boling remaja

SHAH ALAM - Pemain boling remaja, Wan Muhammad Naqib yang bernaung di bawah program Rangsangan Sukan Selangor (RSS) berjaya menjuarai kategori Gred Lelaki Kejohanan Milo International Junior All Stars & The Masters 2015 ke-16.

Naqib, 15, berjaya mengumpul 2,215 jatuhan pin menewaskan pencabar terdekat, Muhammad Hazim mewakili PSA dengan jumlah 2,214 jatuhan pin di Sunway Mega Lanes, Sunway Pyramid, baru-baru ini.

Beliau mula aktif dalam boling sejak berusia lapan tahun atas dorongan ibu bapa dan menerima latihan daripada Radhuan Rashid atau Obi.

"Boling adalah sukan paling diminati dan atas kesedaran itu, bapa membekalkan bola boling dan saya mula mengikuti latihan bersama Obi yang mengajar saya selok belok permainan

boling," katanya.

Sementara itu, jurulatih pasukan boling Peranggang Selangor, Razif Abu Bakar, berkata Naqib berjaya mengharumkan Selangor tanpa menjadikan umur sebagai penghalang untuk bersaing dengan pemain berpengalaman.

"Syabas dan tahniah atas permainan cemerlang yang dipamerkan.

"Saya percaya dengan daya usaha dan keazaman tinggi, Naqib mampu menjadi salah seorang bintang boling Malaysia suatu hari nanti," katanya dalam kenyataan.

Selaku johan, Naqib berjaya membawa pulang trofi dan wang tunai RM12,000.

Kejohanan selama 13 hari itu membabitkan lebih 150 penyertaan dari beberapa kelab boling seluruh Malaysia dan Asia, antaranya Singapura, Korea, Japan, Australia, Thailand, Indone-sia, Emiriah Arab Bersatu dan Hong Kong.

Red Giants perkukuh persiapan

SHAH ALAM - Sebanyak empat perlawan-

an pra-musim dijadualkan pasukan bola sepak Selangor, Red Giants bagi menghadapi cabaran 2016.

Perlawayan pertama melibatkan pasukan Sarawak yang dijadualkan berlangsung pada 19 Januari di Stadium Majlis Perbandaran Selayang ber-

mula jam 8.45 malam.

Namun digantikan dengan menentang Kuala Lumpur pada hari sama di Stadium Mini Universiti Multimedia (MMU) Cyberjaya bermula jam 4.45 petang.

jukkan Megah Perawan untuk menaja PKNS FC dan tentunya ia akan membawa kebaikan bagi perkembangan pasukan dalam menghadapi saingan Liga Perdana musim ini.

"Ia juga perubahan baik untuk Liga M yang dilihat mempunyai nilai komersial," katanya kepada SelangorKini di sini.

Perlawayan ketiga melibatkan pasukan Kuala Lumpur pada 26 Januari ini di Stadium Majlis Perbandaran Se-layang bermula jam 8.45 malam.

Manakala perlawayan keempat perlawayan bersama Pulau Pinang pada 29 Januari ini di Stadium Bandaraya Pulau Pinang bermula jam 8.45 malam.

Abdul Karim berkata, tiket perlawan-

an dijangka dijual pada pertengahan Mac ini.

"Dijangka kehadiran ramai penyokong dalam edisi kali ini kerana perlawan-

Piala Sultan Selangor dijadual 7 Mei

SHAH ALAM - Piala Sultan Selangor edisi ke-15 bakal berlangsung pada 7 Mei ini dan Stadium Shah Alam menjadi tempat perlawan kali ini.

Lokasi perlawan yang sepatutnya berlangsung di Singapura namun ia diubah susulan titah DYMM Sultan Selan-

gor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pengerusi Piala Sultan Selangor, Tan Sri Abdul Karim Munisar, berkata tarikh itu sudah dipersetujui Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Persatuan Bola Sepak Singapura (FAS) selepas mengambil kira pelbagai faktor.



	Imsak	Subuh	Syur'at	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
22 Jumaat	5.57	6.07	7.25	1.27	4.49	7.25	8.37
23 Sabtu	5.57	6.07	7.25	1.28	4.50	7.25	8.38
24 Ahad	5.57	6.07	7.25	1.28	4.50	7.25	8.38
25 Isnin	5.58	6.08	7.26	1.28	4.50	7.25	8.38
26 Selasa	5.58	6.08	7.26	1.28	4.50	7.26	8.38
27 Rabu	5.58	6.08	7.26	1.29	4.50	7.26	8.38
28 Khamis	5.58	6.08	7.26	1.29	4.50	7.26	8.39
29 Jumaat	5.59	6.09	7.26	1.29	4.51	7.27	8.39

	Imsak	Subuh	Syur'at	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
22 Jumaat	5.59	6.09	7.29	1.29	4.51	7.26	8.39
23 Sabtu	5.59	6.09	7.29	1.30	4.52	7.27	8.40
24 Ahad	5.59	6.09	7.30	1.30	4.52	7.27	8.40
25 Isnin	6.00	6.10	7.30	1.30	4.52	7.27	8.40
26 Selasa	6.00	6.10	7.30	1.30	4.52	7.28	8.40
27 Rabu	6.00	6.10	7.30	1.31	4.52	7.28	8.40
28 Khamis	6.00	6.10	7.30	1.31	4.52	7.28	8.41
29 Jumaat	6.01	6.11	7.30	1.31	4.53	7.29	8.41

D'Herbs taja Red Giants

Belum muktamad

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Tiada persetujuan antara D'Herbs Holding (M) Sdn Bhd dan Red Giants untuk menaja pasukan bola sepak itu.

Pengurus Pasukan Selangor, Amirudin Shari, berkata segala berita berkenaan syarikat kosmetik itu masih terlalu awal untuk diputuskan.

"Selaku pengurus, saya hadir

untuk perbincangan bukan untuk beri kata putus.

"Imej dan jati diri Pasukan Bola Sepak Selangor akan dikenalkan kerana ia ada tradisi dan sejarah yang panjang," katanya dalam satu paparan di Facebook.

Pada masa sama, Amirudin yang juga Exco Negeri, berkata publisiti meluas berkenaan perkara itu menimbulkan kekelebihuan kepada orang ramai.

Desas-desus penajaan D'Herbs Holding mula bertiup kencang selepas pengasasnya, Datuk Aliff Syukri Kamarzaman mengadakan pertemuan dengan Amirudin baru-baru ini.

Aliff dilihat bakal menjadi usahawan kosmetik kedua selepas Ketua Pegawai Eksekutif Vida Beauty Sdn Bhd, Datuk Seri Dr Hasmiza Othman menujukkan minat menaja Juara Piala Malaysia 2015, Selangor.

sepak tempatan.

Tatkala Dr Hasmiza atau lebih dikenali sebagai Dr Vida memilih pasukan kelahirannya, Kelantan, Aliff yang popular dengan dengan tagline 'Terlajak Laris' pula menyatakan minat untuk menaja Juara Piala Malaysia 2015, Selangor.

Penajaan bakal dikeluarkan D'Herbs dikatakan bernilai RM15



juta serta meletakkan 20 syarat untuk dipenuhi pihak pengurusan Persatu-

an Bola Sepak Selangor (FAS). Antara syarat yang diletakkan adalah mengelakkan Stadium Shah Alam dengan warna hijau serta menggunakan nama jolokan 'Terlajak Gol' bagi menggantikan The Red Giants.

'Ride For Glory' jadi acara tahunan

PELABUHAN KLANG - Acara kayuhan basikal 'Ride For Glory' bakal diangkat menjadi program tahunan ekoran sambutan menggalakkan dari dalam dan luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Central Spectrum Sdn Bhd, Mahmud Abbas, berkata pihaknya menerima maklum balas positif daripada pelbagai pihak.

"Sebanyak 18 buah negara menyertai pertandingan ini seperti Indonesia, Singapura, Great Britain, Amerika Syarikat, China dan Sepanyol.

"Tiga bulan lalu kita membawa promosi ke luar negara dan ia sangat berhasil," katanya kepada SelangorKini pada 17 Januari lalu.

Beliau berkata dengan adanya program itu secara tidak langsung meningkatkan ekonomi penduduk setempat mahupun kawasan sekitar.

"Penduduk di kawasan Pulau Indah dapat berkongsi keuntungan dengan menyewakan homestay begitu juga dengan hotel di kawasan sekitar.

"Begini juga dengan industri makanan. Kita memanggil mereka untuk menyediakan makanan dan minuman," katanya.

Mahmud berkata pihaknya sedang mencari bakat baru terutama dalam kalangan penduduk Pulau Indah untuk diketengahkan melalui program itu.

Katanya, pihaknya menawarkan tajaan latihan untuk mereka dapat mewakili Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

"Walaupun laluan agak menambah ekoran kemudahan jalan yang agak tidak baik dan suasana persekitaran dengan kendaraan berat, namun ia tidak menghalang peserta menamatkan pertandingan."

"Bagi saya ia satu cabaran untuk mereka mempersiapkan diri dengan pelbagai aspek," katanya.

Beliau menyifatkan acara itu sebagai strategi pemasaran untuk penduduk dalam negara mahupun peserta luar negara mengenali produk Halal Hub.



Sebanyak 18 buah negara termasuk menerima penyertaan dari luar negara seperti Indonesia, Singapura, Great Britain, Amerika Syarikat, China dan Sepanyol.

Pertama kali dalam sejarah, acara kayuhan basikal sejauh 180 kilometer (km) berlangsung di Pulau Indah.

Acara itu mendapat penyertaan lebih 800 peserta yang memerlukan mereka melalui Pulau Indah, Banting, Bandar Enstek, Sepang dan kembali semula ke Pulau Indah.

Acara itu mendapat penyertaan lebih 800 peserta yang memerlukan mereka melalui Pulau Indah, Banting, Bandar Enstek, Sepang dan kembali semula ke Pulau Indah.

Beliau ketika ditemui berkata berpuas hati dan gembira kerana berjaya menamatkan pertandingan tanpa sebarang masalah.

"Bagi saya laluan agak menambah namun berjaya tanpa ada sebarang masalah.

"Apa yang lebih mengembangkan, anak perempuan saya tu-



Nor Effendi dan Masziyatlon juara berbasikal

PELABUHAN KLANG - Bekas pelumba basikal negara, Nor Effandy Rosli, 49, berjaya menggondol kejayaan bagi kategori 'Masters Open' dalam acara kayuhan basikal 'Ride For Glory'.

Effandy muncul juara selepas berjaya menamatkan pertandingan dengan mencatatkan masa 4 jam 40 minit dan 23 saat.

Beliau ketika ditemui berkata berpuas hati dan gembira kerana berjaya menamatkan pertandingan tanpa sebarang masalah.

"Bagi saya laluan agak menambah namun berjaya tanpa ada sebarang masalah.

"Apa yang lebih mengembangkan, anak perempuan saya tu-

rut menyertai pertandingan ini dan mendapat tempat ketiga," katanya kepada SelangorKini pada 17 Januari lalu.

Beliau berkata sebagai bekas pelumba yang pernah memenangi pingat emas Sukan Sea dan Asia, beliau kini sibuk melatih anaknya dalam sukan sama.

"Ayah saya juga bekas pelumba negara dan pernah menang Sukan Olimpik 1964 di Tokyo.

"Jadi saya mahu legasi keluarga kami diteruskan. Saya juga menghantar anak saya menjalani latihan di Australia dengan duit saya sendiri," katanya.

Beliau berpendapat program

seperti itu perlu diteruskan dari masa ke masa seterusnya dapat mengekang bakat muda.

"Kita tidak boleh mengharapkan kerajaan. Pihak swasta perlu lakukan pencarian bakat seperti ini," katanya.

Sementara itu, Masziyatlon Mohd Radzi, 28, muncul juara bagi kategori terbuka wanita.

Beliau yang berkecimpung dalam sukan basikal 11 tahun lalu pernah mewakili negara dalam sukan Asia 2014.

"Saya tidak menyangka ini kejayaan pertama bagi tahun ini.

"Saya anggap ia sebagai persediaan untuk ke acara basikal di Kedah hujung bulan ini," katanya.

Beliau berjaya menamatkan perlumbaan dengan masa 4 jam, 41 minit dan 41 saat.

Manakala bagi kategori terbuka lelaki dimenangi Amin Mustafa Rosli dan Mohd Suhaimi Keton bagi kategori terbuka Junior.

Program kendalian Central Spectrum Sdn Bhd itu bertujuan mempromosikan aktiviti sihat di samping memperkenalkan industri Halal Hub di Selangor.

Acara itu menawarkan RM3,000 bagi juara setiap kategori, RM2,000 bagi naib juara sementara tempat ketiga menerima RM1,500.



Bomba menyembur air kepada peserta yang kepanasan

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Angkatan Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985